

"DAN sesiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya Allah akan memudahkan baginya jalan keluar (dalam urusannya). Dan Dia mengurniakan rezeki dari arah yang tidak terlintas difikrannya. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah maka cukuplah Allah itu baginya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusannya. Allah telah menetapkan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu".
 - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah At-Talaq, ayat 2-3.

BERANGKAT MENGANUGERAHKAN ANAK-ANAK KUNCI RUMAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah di bawah Skim Perumahan Negara bagi Daerah Brunei dan Muara. - Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman (Lihat muka 3 hingga 4)

Jadikan khidmat masyarakat sebagai amalan hidup

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Julai. - Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti yang julung kalinya diadakan adalah sangat bermakna kerana dapat

memberikan ruang untuk membincangkan isu-isu yang semakin mencabar dalam dunia masa kini, yang boleh mempengaruhi budaya, pemikiran dan perpaduan masyarakat.

Sesungguhnya, sebuah komuniti yang kukuh tidak hanya bergantung kepada

pembangunan ekonomi tetapi lahir daripada kasih sayang, kepedulian dan semangat saling mendukung.

Inilah inti pati khidmat masyarakat, satu nilai murni yang membina insan dan kesejahteraan bangsa.

>> Muka 9

Lahirkan banyak karya bermutu, bernilai intelek

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Selasa, 7 Julai. - Melihat dari sudut pandang masa kini, walaupun bahasa Melayu telah didaulatkan sebagai bahasa rasmi, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga sebilangan masyarakat yang meragui akan kemampuan bahasa Melayu, terutama dalam urusan-urusan rasmi yang berkaitan dengan domain profesional, seperti pentadbiran, undang-undang atau perdagangan.

Tanggapan, pola fikir dan keraguan akan kemampuan bahasa Melayu perlu diubah dan perubahan itu hendaklah dipraktikkan dari hal-hal kecil yang nampak sederhana, tetapi memberi impak besar dalam kehidupan kita.

Perkara itu ditegaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha pada Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Bahasa 2026 (65 Tahun Penubuhan

Dewan Bahasa dan Pustaka) yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Bahasa, menurut Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, berperanan penting dengan cara seseorang berfikir dan salah satu peradaban manusia terletak pada cara masyarakatnya menuturkan kata atau norma penggunaan bahasa, termasuklah ketertiban dalam berbicara.

>> Muka 12

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
 Pelita Brunei | www.pelita-brunei.gov.bn

Berita Utama



MEMPERKUKUHKAN kepimpinan strategik, penyelarasan dasar

Muka 13



FORUM ketengahkan peranan khidmat masyarakat dalam pembangunan ummah lestari

Muka 15



PEMINAT astronomi hayati keindahan Milky Way di Luagan Lalak

Muka 29



RENCANA

TINGKATKAN kesedaran terhadap kelestarian tenaga

Muka 27

Hijrah membina generasi berilmu, beriman dan berakhlak

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu
Wassalaamu Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

MARILAH kita sama-sama merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita menyambut Tahun Baharu Hijrah 1448 dalam suasana aman dan sejahtera.

Sesungguhnya peristiwa hijrah bukan sekadar berpindah tempat tetapi malah adalah penyelamat kepada akidah. Sekiranya tanpa hijrah, akidah akan susah berkembang dihalangi oleh kaum musyrik Mekah.

Lalu kerana itu, Allah memerintahkan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam untuk berhijrah.

Peristiwa ini dapat dijadikan pengajaran untuk mendepani cabaran semasa. Di antara cabaran era baharu ialah perkembangan pesat teknologi digital, yang menjadikan umat Islam turut berhadapan dengan limpahan maklumat tanpa sempadan. Kita sedia mengakui bahawa kemajuan ini banyak membawa manfaat, tetapi dalam masa yang sama, ia juga membuka ruang yang sangat luas untuk lahirnya pendapat-pendapat atau pemikiran-pemikiran baharu yang bercanggah dengan akidah. Jika kita membiarkan pendapat-pendapat dan pemikiran-pemikiran baharu ini terus berkembang, maka sudah tentu ia

berpotensi untuk menggugat keharmonian beragama di negara ini.

Oleh itu, beta berharap supaya semangat Ilal Hijrah akan benar-benar dihayati bagi memperkukuh akidah Ahli Sunnah Waljamaah melalui pembangunan modal insan seimbang.

Kita tidak mahu dalam negara ini ada golongan anti tahlil, anti talkin, anti ziarah kubur dan anti merayakan sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam serta lain-lain amalan yang baik.

Kita tidak mahu semua ini kerana ia mencemari ajaran aliran Ahli Sunnah Waljamaah. Perkara ini perlu difahami oleh semua agensi kerajaan, institusi pendidikan, institusi masjid, para ilmuwan, belia dan malah seluruh lapisan masyarakat.

Maka untuk itu, program-program pengukuhan akidah mestilah terus diperkasa dan dilaratkan kepada semua peringkat masyarakat.

Pendekatan holistik amatlah diperlukan untuk melahirkan generasi, yang bukan hanya cemerlang dalam akademik, malah sekali gus memiliki akidah yang mantap dan akhlak yang mulia, yang mampu menghadapi segala cabaran.

Cabaran dalam era baharu ini adalah pelbagai. Ia berlaku dalam rumah, dalam sekolah, dalam pusat pengajian dan sebagainya.

Contoh cabaran dalam rumah ialah, anak-anak tidak mentaati ibu bapa, suka membantah dan menolak nasihat.

Sementara contoh cabaran dalam sekolah dan pusat pengajian pula, berlakunya budaya buli dan dera sesama sendiri, selain kecenderungan melanggar disiplin dan peraturan.

Ini semua menghendaki adanya langkah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1448 Peringkat Negara pada Sabtu, 4 Julai 2026 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

tegas daripada pihak-pihak berkenaan bukan menunggu sampai penyakit ini melarat atau merebak.

Pada kesempatan ini, beta dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima Anugerah Ilal Hijrah pada tahun ini. Diharapkan penganugerahan ini akan menjadi sumber inspirasi untuk lebih ramai lagi individu dan organisasi menjulang

tinggi syiar Islam dan memperkasa dakwah demi meraih keredaan Allah.

Akhirnya, beta berdoa semoga kita dan Negara Brunei Darussalam sentiasa mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	RABU	22	4.39	4.49	6.14	6.38	12.26	3.52	6.37	7.52
9	KHAMIS	23	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
10	JUMAAT	24	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
11	SABTU	25	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
12	AHAD	26	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
13	ISNIN	27	4.41	4.51	6.15	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
14	SELASA	28	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
RABU			KHAMIS			JUMAAT				
Bandar Seri Begawan										
32	24		31	25		32	25			
Pekan Bangar										
31	23		30	24		32	24			
Pekan Tutong										
32	24		32	25		32	25			
Kuala Belait										
32	23		32	24		32	24			

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

8 JULAI 2026

Bendera melambangkan kedaulatan negara, bangsa

BERMULA 1 Julai yang lalu, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini adalah dikehendaki untuk mengibarkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) di kediaman masing-masing, kawasan pembinaan dan perusahaan, premis-premis perniagaan dan pejabat-pejabat kerajaan bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026.

Dengan berlangsungnya upacara tersebut, ia menandakan bermulalah tanggungjawab bagi orang ramai mengibarkan Bendera Kebangsaan NBD di kediaman mereka, sementara Pengiran-Pengiran dan mereka yang dikurniakan gelaran hendaklah mengibarkan bendera peribadi masing-masing, bermula 1 Julai hingga 8 Ogos 2026.

Selaku rakyat dan penduduk yang taat setia kepada raja, maka adalah menjadi satu kewajipan dan tanggungjawab kita untuk mengibarkan bendera dengan megahnya di tempat-tempat yang dinyatakan dengan tatacara yang betul.

Setiap bendera hendaklah diletakkan di tempat yang mulia dan terhormat kerana bendera melambangkan kedaulatan negara dan bangsa serta mengibarkannya mengikut peraturan dan cara yang telah ditetapkan dengan memastikan bendera tersebut dalam keadaan yang baik, bersih, tidak kotor dan koyak, tidak pudar dan lusuh serta masih utuh keadaannya.

Bendera hendaklah dikibarkan menegak menggunakan tiang bendera sepanjang 10 kaki dengan pendakap khas tiang bendera secara 30-45 darjah bagi di kawasan beranda. Manakala bagi kawasan depan rumah gunakanlah tiang bendera tidak melebihi 20 kaki bagi bendera negara dan 30 kaki bagi bendera-bendera peribadi.

Bangunan-bangunan kerajaan atau swasta pula hendaklah menaik dan mengibarkan bendera negara di atas bangunan dengan menggunakan tiang bendera sepanjang 10 kaki. Bagi hadapan bangunan pula ketinggian tiang bendera tidak melebihi 20 kaki. Apa yang penting adalah jangan dipacak tiang bendera terus ke tanah. Sediakanlah tempat yang bersesuaian dan hendaklah gunakan tiang bendera seperti yang dinasihatkan serta elakkan memasang di belakang rumah atau bangunan.

Pengibaran bendera sempena Hari Keputeraan adalah bagi mempamerkan tanda kasih serta syukur kita atas sambutan hari keputeraan baginda yang bakal menjelang. Kita seharusnya memanjakan rasa syukur kerana raja yang kita kasihi dilanjutkan usia dan kekal karar memerintah negara, sepertimana doa kita di dalam lirik lagu kebangsaan negara kita.

Setiap rumah di negara ini, seharusnya memiliki sekurang-kurangnya sehelai bendera negara. Sebaik sahaja ada maklumat untuk mengibarkan bendera, masing-masing hendaklah bersedia mengeluarkan bendera tanpa perlu menunggu bendera percuma atau mempersoalkan harga sehelai bendera negara. Jika keadaan bendera tidak mengizinkan, seharusnya kita juga bersedia untuk menggantinya dengan yang baharu sebagai tanda kita menanai tanggungjawab berbangsa dan bernegara. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MENGANUGERAHKAN ANAK-ANAK KUNCI RUMAH

YEMPURNAAN PENGANUGERAHAN ANAK-ANAK KUNCI RUMAH DI BAWAH SKIM PERUMAHAN NEGARA BAGI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

HARI ISNIN

20 MUHARRAM 1448H BERSAMAAN 6 JULAI 2026M



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah di bawah Skim Perumahan Negara bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Nur Hafilah Pg. Osman, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika doa dibacakan.

JERUDONG, Isnin, 6 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah di bawah Skim Perumahan Negara bagi Daerah

Brunei dan Muara (DBM) kepada seramai 300 penerima, hari ini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong dijunjung oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid serta Pemangku Pegawai DBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, DBM, Pengiran Haji Shahril Azman bin Pengiran Haji Metusin.

Majlis kemudian diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Pemangku Pegawai DBM antara lain menyebarkan, merafak sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang bercemar duli bagi menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM.

Penganugerahan tersebut sembahnya, sudah setentunya memberikan sinaran cahaya kehidupan dan tempat berteduh yang lebih selesa kepada para penerima.

Beliau turut menyebarkan,

selaku rakyat dan penduduk yang bernaung dan berlingung di bawah payung pemerintahan bijaksana baginda akan terus menerus mendukung kepimpinan dan kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta menanamkan dan membaharui ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah DYMM sebagai raja yang disayangi dan disanjung.

>> Muka 4



SEMBAH alu-aluan daripada Pemangku Pegawai DBM (kiri), manakala gambar kanan, bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, DBM, Pengiran Haji Shahril Azman bin Pengiran Haji Metusin.



PARA penerima anak-anak kunci rumah semasa hadir pada majlis yang diadakan di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong (atas dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengurniakan penganugerahan anak-anak kunci rumah kepada para penerima (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



>> Muka 3

"Abis hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Kebawah Duli Tuan Patik sentiasa mendapat taufik serta kurnia limpahan rahmat dan sentiasa berada dalam keredaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam,"

sembahnya.

Sejurus itu, Kebawah DYMM berkenan menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM kepada 300 penerima di mana kesemuanya telah diperuntukkan rumah jenis teres di Perumahan Negara Kampung Lugu. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, DBM.

Sejurus

selesai

menyempurnakan majlis penganugerahan berkenaan, Kebawah DYMM berangkat melawat beberapa institusi pendidikan dan teknologi. Baginda mula-mula berangkat ke Sekolah Rendah Jerudong, Kluster 4. Dari sekolah berkenaan, baginda seterusnya berangkat melawat ke Sekolah Ugama Jerudong dan seterusnya baginda juga berangkat melawat EVYD Technology Sendirian Berhad di Kampung Jerudong.

Selepas lawatan dari syarikat berkenaan, Kebawah DYMM kemudian berangkat melawat ke rumah penerima-penerima anak-anak kunci rumah teres di bawah Perumahan Negara Kampung Lugu iaitu Awang Roshirmy bin Haji Abu Bakar dan Dayang Siti Salmiah binti Awang Haji Bini@Sharbini.

Dari rumah para penerima anak-anak kunci rumah teres tersebut, baginda kemudiannya dijunjung berangkat melawat ke rumah Ketua Kampung Lugu dan Kampung Katimahar, Awang Abdul Hadi bin Haji Abdul Sani. Bagi mengakhiri majlis keberangkatan, Kebawah DYMM berangkat ke Dewan Royal Berkshire, Tarindak d'Polo, Jerudong bagi Majlis Santap Tengah Hari.

Rakyat Negara Brunei Darussalam adalah amat bertuah dengan kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM yang terus-menerus memberikan keprihatinan dan pemeduliaan terhadap kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat di negara ini. Ia jelas terbukti dengan adanya penyediaan perumahan yang selesa, mampu milik dan mampan khususnya melalui Skim Perumahan Negara.

Kerajaan Kebawah DYMM menerusi Jabatan Kemajuan Perumahan terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif dan daya usaha dalam memastikan rakyat mempunyai tempat kediaman sejajar dengan hasrat Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035 iaitu 'Ke Arah Kualiti Kehidupan Yang Tinggi'.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Dewan Royal Berkshire, Tarindak d'Polo, Jerudong bagi Majlis Santap Tengah Hari (atas), manakala gambar kanan, sebahagian penerima yang hadir bagi menerima anak-anak kunci rumah berkenaan.



BERANGKAT TINJAU KEMAJUAN PENDIDIKAN, INOVASI TEKNOLOGI DAN PERUMAHAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meninjau sesi pembelajaran anak murid dan menyaksikan aktiviti permainan gasing daripada murid Tahun 2 hingga Tahun 6 sekolah tersebut (atas dan kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Nur Hafilah Pg. Osman, Pg. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat Sekolah Rendah Jerudong, Kluster 4, di Kampung Jerudong (atas dan bawah).



JERUDONG, Isnin, 6 Julai.

Sejurus selesai menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah di bawah Skim Perumahan Negara bagi Daerah Brunei dan Muara di Dewan Persidangan BRIDEX, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat ke beberapa tempat di kawasan Jerudong.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan berangkat melawat ke Sekolah Rendah Jerudong, Kluster 4, di Kampung Jerudong.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di sekolah berkenaan dijunjung oleh Guru Besar Sekolah, Dayang Khadijah binti Haji Gapar.

Sekolah Rendah Jerudong ditubuhkan pada tahun 1955 dan pada tahun 1957, bangunan kekal bagi Sekolah Rendah Jerudong telah dibina. Guru Besar pertama ialah Awang Abdul Rahman bin

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama para pelajar (atas kanan, kanan, bawah kanan dan bawah kiri).



Jaafar dengan keramaian 25 orang murid.

Dengan visinya 'Pendidikan berkualiti, Negara Dinamik' dan misinya 'Menyediakan Hala Tuju dan Sistem Sokongan Melalui Pengajaran dan Pembelajaran Yang Efektif Pada Semua Pelajar Ke Arah Mencapai Pendidikan

Yang Berkualiti dan Berprestasi Tinggi', Sekolah Rendah Jerudong pada masa ini mempunyai keramaian murid sebanyak 407 orang dengan 50 orang tenaga pengajar serta 11 orang kakitangan.

>> Muka 6





>> Muka 5

Semasa lawatan di Sekolah Rendah Jerudong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan melawat ke Bilik Perpustakaan

dan Bilik Ar Rahmah 2, meninjau pembelajaran para murid di Bilik Sumber Bahasa Inggeris, Bilik Sains 2, Pra 'A' dan Bilik Matematik 1.

Baginda seterusnya dijunjung

menyaksikan aktiviti permainan gasing daripada murid Tahun 2 hingga Tahun 6 sekolah tersebut. Permainan gasing tradisi mula diperkenalkan pada 19 Februari 2025. Bermula dengan hanya dua orang murid, dan kini berkembang kepada 30 murid yang mahir dan berkebolehan pada tahun 2026.

Aktiviti ini dijalankan semasa waktu Pendidikan Jasmani dan waktu Kokurikulum (CCA) sekolah. Selain di sekolah, para



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat Sekolah Ugama Jerudong Kawasan Brunei III sesi pagi (atas kiri dan atas).

pelajar juga berlatih dan bermain bersama rakan pada waktu petang di Gelanggang Gasing

Pantai Siandang sekitar jam 5.00 hingga 6.00 petang, manakala pada hujung minggu, aktiviti dijalankan bermula dari 8.00 hingga 11.00 pagi dan 3.00 hingga 6.00 petang

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM meneruskan lawatan ke Sekolah Ugama Jerudong Kawasan Brunei III sesi pagi dan dijunjung oleh Guru Besar Sekolah Ugama Jerudong, Awang Haji Muhamad Said bin Haji Mustapa.

Sekolah Ugama Jerudong menyediakan dua sesi pembelajaran iaitu pada sebelah pagi dengan jumlah keramaian 47 pelajar, tujuh tenaga pengajar dan seorang kakitangan. Sementara itu pada sebelah petang, sekolah tersebut menempatkan 250 pelajar, 16 tenaga pengajar dan dua kakitangan sekolah.

>> Muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah dan seterusnya berbual mesra bersama para pelajar yang menuntut di sekolah berkenaan (atas dan bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan meninjau aktiviti pembelajaran di sekolah berkenaan dan seterusnya dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para pelajar dan guru di sekolah tersebut (atas kiri, kiri dan bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bergambar ramai ketika berangkat melawat EVYD Technology Sendirian Berhad di Kampung Jerudong.

>> Muka 6

Dengan moto 'Pelajar Cemerlang Negara Gemilang Berteraskan Keimanan', Sekolah Ugama Jerudong sesi pagi telah mencapai keputusan 100 peratus lulus dengan memperolehi pangkat 1 sebanyak 90 peratus pada tahun 2025 dan pada sesi petang, sekolah tersebut juga mencapai keputusan 81 peratus lulus dengan memperolehi pangkat 1 sebanyak 65 peratus.

Semasa lawatan ke sekolah tersebut, Kebawah DYMM berkenan melawat ke Bilik Bantuan Pembelajaran dan Bilik Pendidikan Khas Ugama dan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra dan mendengarkan sembah penerangan ketika melawat EVYD Technology Sendirian Berhad (kanan dan bawah).

seterusnya berkenan bergambar ramai.

Baginda seterusnya dijunjung berangkat melawat EVYD Technology Sendirian Berhad di Kampung Jerudong. Syarikat

berkenaan menggunakan inovasi teknologi khususnya Kecerdasan Buatan (AI) bagi meningkatkan mutu dan sistem penjagaan kesihatan.

Keberangkatan baginda

dijunjung oleh Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, dan Menteri Kesihatan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

>> Muka 8



SEKITAR keberangkatan Kebawah DYMM semasa mengadakan lawatan di EVYD Technology Sendirian Berhad (atas, bawah dan gambar-gambar bawah sekali).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat melawat ke rumah para penerima anak-anak kunci rumah teres di bawah Perumahan Negara Kampung Lugu masing-masing milik Awang Roshirmy bin Haji Abu Bakar dan Dayang Siti Salmiah binti Awang Haji Bini@Sharbini (atas kiri, atas kanan dan bawah kanan).

>> Muka 7

Semasa lawatan berkenaan, baginda berkenan melawat EVYD Gallery, Surveillance Centre, North Office Level 1, South Office Level 1, serta menyaksikan lukisan cucunda Kebawah DYMM, Yang Teramat Mulia

Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan seterusnya berkenan bergambar ramai.

Syarikat tersebut mula

beroperasi pada 27 April 2020 dan mempunyai seramai 65 orang tenaga kerja yang mana 53 orang daripadanya adalah anak tempatan.

Selepas lawatan dari syarikat berkenaan, Kebawah DYMM seterusnya berkenan berangkat melawat ke rumah para penerima anak-anak kunci rumah teres di bawah Perumahan Negara Kampung Lugu masing-masing milik Awang Roshirmy bin Haji Abu Bakar di Lot 82833, No. 16, Simpang 134, Jalan Ambin Perumahan Negara Kampung Lugu dan juga Dayang Siti

Salmiah binti Awang Haji Bini@Sharbini, di Lot 82818, No. 13, Simpang 134, Jalan Ambin Perumahan Negara Kampung Lugu.

Dari rumah para penerima anak-anak kunci rumah teres tersebut, Kebawah DYMM kemudiannya mengakhiri lawatan dengan berangkat melawat ke

rumah Ketua Kampung Lugu dan Kampung Katimahar, Mukim Sengkurong, Awang Abdul Hadi bin Haji Abdul Sani.

Baginda berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan dan menerima pesambah serta dijunjung bergambar ramai dan juga beramah mesra.



KEBAWAH DYMM berkenan berangkat melawat ke rumah Ketua Kampung Lugu dan Kampung Katimahar, Mukim Sengkurong, Awang Abdul Hadi bin Haji Abdul Sani (kiri dan bawah).



KEBAWAH DYMM berkenan menandatangani plak dan berkenan menerima junjung ziarah (atas dan bawah). Manakala gambar bawah kiri, baginda berkenan berangkat ke Dewan Royal Berkshire, Tarindak d'Polo, Jerudong bagi Majlis Santap Tengah Hari.



JADIKAN KHIDMAT MASYARAKAT SEBAGAI AMALAN HIDUP

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Na'il
Haris Haji Muhd. Nikman

>> Muka 1

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bersabda demikian semasa berangkat pada Perasmian Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerksaan Komuniti, yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Pengiran Babu Raja, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik seterusnya bersabda, khidmat masyarakat bukan sekadar aktiviti sambilan tetapi budaya hidup yang menanam rasa tanggungjawab terhadap sesama insan.

Kekuatan komuniti dapat dilihat apabila jiran saling membantu, belia bergiat dalam kerja amal, dan syarikat menyumbang kembali kepada masyarakat setempat, sabda

Duli Yang Teramat Mulia lagi.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam sabda DYT, aspek Pemedulian dan Prihatin turut ditekankan dalam titah paduka ayahanda pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB Tahun 1445 Hijrah bersamaan 2024 Masihi bahawa, "Dua nilai kemanusiaan iaitu Pemedulian dan Prihatin memang sudah menjadi darah daging kepada orang-orang Brunei, selaku warisan turun-temurun dari nenek moyang".

DYTM dalam sabdanya turut menekankan bahawa ini adalah bertepatan dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu: "Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat kepada manusia lain".

"Kerajaan paduka ayahanda melalui 'Social Blueprint' menekankan aspek keprihatinan dan pemedulian kerana ia memupuk perpaduan, mendidik belia dengan empati dan kepimpinan serta membina komuniti yang resilien dan siap siaga menghadapi cabaran.

"Namun, khidmat masyarakat sahaja tidak mencukupi tanpa pemerksaan komuniti. Kedua-duanya saling melengkapi.

"Pemerksaan berlaku apabila masyarakat diberi latihan, kemahiran, peluang kepimpinan, serta ruang untuk menyertai perancangan pembangunan setempat, komuniti yang diperksakan akan lebih mandiri dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pihak lain," sabda DYT.

DYTM seterusnya bersabda menyeru untuk menjadikan khidmat masyarakat sebagai amalan hidup, agar semangat saling membantu ini terus kekal dan diwarisi oleh generasi akan datang.

"Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah atas usaha murni ini.

"Saya yakin persidangan kali ini akan menjadi wadah bermakna untuk bertukar pandangan, pengalaman dan mengukuhkan jaringan kerjasama dalam memperksa agenda khidmat masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," sabda DYT.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan mengurniakan sabda pada Perasmian Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerksaan Komuniti.

Berangkat merasmikan Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat, Pemerksaan Komuniti 2026



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan berangkat ke Perasmian Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerksaan Komuniti (atas dan kanan).



Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB; dan Pemangku Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Persidangan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Syariah, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Dalam sembah alu-aluannya, Pemangku Rektor UNISSA antara lain menyebarkan bahawa persidangan berkenaan mengangkat tema 'Memperksa Khidmat Masyarakat ke Arah Pembangunan Ummah Lestari' yang amat signifikan dan bertepatan dengan keperluan semasa dunia hari ini yang menuntut kepada pengukuhan semangat kebersamaan, sifat

pemeduli dan tindakan kolektif dalam menangani cabaran masyarakat secara efektif.

"UNISSA sejak penubuhannya sentiasa komited menjadikan khidmat masyarakat sebagai salah satu teras utama akademiknya di bawah kerangka kurikulum UNISSA, 'Framework for Integrating Knowledge, Readiness & Advancement' (FIKRA).

"Begitu juga dengan YSHHB yang sejak penubuhannya memainkan peranan yang amat signifikan dalam memperksa pembangunan masyarakat melalui pelbagai program kebajikan, pendidikan, pembangunan belia, keusahawanan, pemerksaan komuniti dan bantuan kemanusiaan," sembahnya lagi.

Justeru, Dr. Awang Haji Arman dalam sembah alu-aluan kemudiannya menjelaskan penganjuran persidangan ini merupakan manifestasi sinergi antara UNISSA dan YSHHB dalam memperkukuh budaya khidmat masyarakat, menghubungkan dunia akademik dengan keperluan

masyarakat serta melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dari sudut intelektual, malah memiliki jiwa sukarelawan, semangat ihsan dan komitmen untuk menyumbang kepada agama, bangsa dan negara.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan mengurniakan sabda dan berkenan menyempurnakan Perasmian Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerksaan Komuniti 2026.

Majlis diteruskan dengan pembentangan kertas ucapnama yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.

Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah dalam pembentangannya menjelaskan pada masa ini, khidmat masyarakat bukan lagi setakat menghulurkan bantuan atau menyampaikan barang keperluan asas.

>> Muka 10

BRUNEI
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat bagi menyempurnakan Perasmian Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerksaan Komuniti, bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Menjunjung keberangkatan

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Timbalan Pengerusi I Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga YSHHB; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 9

"Jika kita ingin membina komuniti yang benar-benar lestari, khidmat masyarakat perlu melalui satu anjakan paradigma.

"Kita perlu beralih daripada sekadar memberi bantuan kepada memperkasa kehidupan, daripada menjadi penyampai bantuan, kita perlu menjadi pemangkin perubahan.

"Kejayaan sebenar ialah melahirkan masyarakat yang berdikari, berdaya tahan dan mampu menyumbang kepada orang lain," terangnya lagi.

Apabila kita berbicara tentang

pemeriksaan komuniti, beliau seterusnya mengingatkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh terbaik yang pernah ditampilkan dalam sejarah manusia.

Baginda membina para sahabat dengan penuh kesabaran dan hikmah, mengenal pasti potensi setiap individu lalu memperkasakan mereka dengan kekuatan iman, ilmu, akhlak dan kepimpinan sehingga lahir sebuah masyarakat yang berdikari, saling memperkasa dan mampu memimpin ke arah kesejahteraan ummah, ujanrya.

DYTM seterusnya berkenan

menyaksikan pameran yang memamerkan poster-poster yang relevan dengan aktivitas-aktivitas khidmat masyarakat yang merupakan salah satu elemen penting dalam pembangunan ummah dan pembinaan peradaban insan yang seimbang dari sudut spiritual, intelektual dan sosial.

Pameran berkenaan disertai oleh beberapa agensi termasuk YSHHB; Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama; Bank Usahawan, Perbadanan Tabung

Amanah Islam Brunei (TAIB); dan juga UNISSA.

UNISSA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi berteraskan nilai-nilai Islam mempunyai tanggungjawab strategik untuk memimpin inisiatif khidmat masyarakat, kesukarelawanan, dakwah dan misi kemanusiaan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Dalam konteks global hari ini, peranan universiti dan institusi pendidikan tinggi bukan sahaja tertumpu kepada pengajaran dan penyelidikan, malah turut memikul tanggungjawab sosial kepada masyarakat sejaqat.

Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti 2026 akan berlangsung selama dua hari bermula hari ini.

Seramai 57 orang pembentang terdiri daripada Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Indonesia, Republik Arab Mesir dan Emiriah Arab Bersatu menyertai persidangan berkenaan yang akan membincangkan cabaran dan solusi terhadap isu-isu kemanusiaan dan sosial kontemporari.

Persidangan berkenaan nanti dihasratkan dapat melahirkan resolusi yang bernas dan praktikal dalam memperkasakan budaya khidmat masyarakat serta semangat kebersamaan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Selain pembentangan kertas-kertas dan forum, persidangan juga mengandungi pengisian pengalaman khidmat masyarakat di beberapa lokasi strategik di negara ini.

Pertandingan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti 2026 ini diadakan bersempena dengan Pertandingan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2026 (Brunei MYCE 2026).

Dengan adanya persidangan ini diharapkan akan menjadi medan perkongsian amalan terbaik (*best practices*) dalam bidang kesukarelawanan, kemanusiaan, pembangunan komuniti, dakwah dan kesejahteraan sosial di peringkat serantau dan antarabangsa.

314 WARGA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TERIMA PINGAT KERJA LAMA

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan Pingat Kerja Lama kepada para penerima (kiri dan kanan).



perkhidmatan para penerima
ingat.

Pengurniaan pingat ini juga merupakan satu dorongan motivasi dan penyuntik semangat khususnya kepada warga Kementerian ini agar sentiasa memberikan kualiti kerja yang bermutu tinggi dan mencapai prestasi yang cemerlang secara berterusan.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, Pemangku Rektor, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

TUNGKU LINK, Isnin, 6 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan hari ini, mengadakan Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanall Bolkhair Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun bagi penerima tahun 2025 khusus kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh. Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian P.K.L kepada 314 pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan termasuk tenaga pengajar di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi yang disempurnakan oleh tetamu kehormat sebelum majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat, diikuti dengan Doa Kesyukuran Sempena Kepulangan para Jemaah Haji Kementerian Pendidikan.

Pengurniaan P.K.L ini adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas jasa dan sumbangan kerja yang telah diberikan sepanjang

**SEBAHAGIAN yang hadir pada
Majlis Penyampaian Pingat Kerja
Lama berkenaan.**



BSP, JPMC tandatangani 3 perjanjian



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir di majlis menandatangani perjanjian antara BSP dan JPMC berhubung dengan peralihan bagi operasi dan pengurusan Panaga Health kepada JPMC.

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Perubatan Jerudong Park

JERUDONG, Selasa, 7 Julai. - Syarikat Petroleum Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) dan Pusat Perubatan Jerudong Park Sendirian Berhad (JPMC) menandatangani tiga perjanjian berhubung dengan peralihan bagi operasi dan pengurusan Panaga Health (PH) kepada JPMC.

Majlis menandatangani perjanjian yang diadakan di Panaga Health tersebut disaksikan oleh Menteri Kesihatan, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengarah Eksekutif JPMC, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Menandatangani bagi pihak JPMC ialah Pengurus Pelaburan Kanan di Darussalam Assets Sendirian Berhad, atas kapasiti beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah JPMC, Dayangku Hajah Dewi Sarwani binti Pengiran Haji Sarpuddin dan Ketua Pegawai Perubatan JPMC, Dr. Haji Muhammad Syafiq bin Abdullah sebagai saksi.

Mewakili BSP ialah Pengarah Urusan BSP, Johan Atema, dan

Pengurus Pengurusan Fasilitas Bersepadu BSP, Dayang Mazlina binti Haji Ma'awiah, sebagai saksi.

Peralihan tersebut bertujuan untuk memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan berterusan kepada pengguna sedia ada dan komuniti yang lebih luas, sejajar dengan matlamat Wawasan 2035 Negara Brunei Darussalam.

Seperti yang disebut oleh Pengarah Urusan BSP, "Peralihan ini bukan semata-mata mengenai penyerahan operasi. Ia adalah mengenai memastikan nilai yang kita cipta terus berkembang maju, dan kakitangan serta kepakaran

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA كمنترین كمیجنت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg	1000 mg	880 mg
1 bungkus Mee Segera	1 Send Telur Masin	1 sudu makan Kicap
376 mg	295 mg	243 mg
1 sudu makan Corned Beef	1 bungkus kecil Keropok Ubi Kentang	1 bungkus kecil Keropok Udang Tempatan
120 mg	116 mg	15 mg
1 sudu Kentang Goreng	1 Segenggam Kacang Tanah (Salted)	3 keping Kraker Beras
2.4 mg	1.7 mg	1.2 mg
1 1/2 cawan Amping	1 Segenggam Kacang Tanah (Unsalted)	1 Sebilik ukuran sederhana Pisang

TIPS

- 1 Pilih makanan segar dan tidak berproses
- 2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- 3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam sambal dan pelbagai jenis jeruk

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari.

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok.

Taglines: #IngatGaram, #HealthPromotionCentre, #TalianDorongan123

kami mencari tempat baharu di mana mereka boleh menyumbang kepada masa depan yang lebih

hebat". Peralihan operasi dijangka selesai pada Kuartal 1 (Q1) 2027.

UNISSA, YSHHB ANJUR MALAM RESEPSI

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Azmah Haji Ahad



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) malam ini mengadakan Majlis Resepsi sempena Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti 2026 yang berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamsary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB. Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia

Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak juga selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB antara lain menyatakan bahawa majlis pada malam itu, selain daripada kita menyambut kehadiran para penggiat akademik daripada dua buah institusi pengajian tinggi di luar negara iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah Pahang (UNIQSAAS).

Menurut Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan, ia juga dihasratkan agar dapat menjadi hab berkenalan-kenalan dan seterusnya akan dapat memperkembangkan jalinan kerjasama yang sudah pun terjalin.

Di kesempatan ini juga, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan menzahirkan penghargaan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak UNISSA, Negara

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi sempena Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti 2026.

Brunei Darussalam kerana telah menjemput YSHHB sebagai penganjur bersama persidangan ini, iaitu satu program yang menghimpunkan perkongsian ilmu, pengalaman dan pandangan daripada ahli-ahli akademik serta pengamal khidmat masyarakat dalam usaha memperkukuh pembangunan komuniti yang mampan.

"Jika bercakap mengenai dengan khidmat masyarakat dan pemerkasaan komuniti, YSHHB memang sinonim dengan bidang-bidang tersebut yang mana sejak tiga dekad penubuhannya, YSHHB, telah pun merancang dan melaksanakan berbagai-bagai program ataupun projek yang berkaitan dengan topik tersebut selaras dengan dasar dan tujuan penubuhannya.

"Dengan skop persidangan pula yang memfokuskan dan merangkumi bidang dakwah, kesukarelawanan, tanggungjawab sosial, kesihatan komuniti, pengurusan bencana, belia, NGO dan pembangunan sosial, ia amat signifikan dengan misi dan visi YSHHB dan adalah bersesuaian YSHHB turut sama mengambil peranan dan menjadi sebahagian daripada agen pemerkasaan dan pelestarian masyarakat melalui persidangan ini," kata Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan.

Selaku wakil Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah serta seluruh warga YSHHB, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan mengucapkan berbilang terima kasih atas kolaborasi ini dan amat berharap akan terhasilnya nanti resolusi yang bernas dan rangka tindakan yang praktikal dari persidangan yang berjalan selama dua hari ini, demi memacu tema persidangan iaitu 'Memperkasa Khidmat Masyarakat ke Arah Pembangunan Ummah Lestari'.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selanjutnya menyampaikan cenderahati dan sijil kepada para pembentang ucapatama, para penaja dan penyampai kertas kerja terbaik serta Anugerah Kecemerlangan FIKRA yang cemerlang di bawah rangka kerja kurikulum UNISSA. Anugerah tersebut bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang berdisiplin, berikar dan sedia berbakti serta prihatin terhadap keperluan masyarakat.

Anugerah Kecemerlangan Khidmat Masyarakat FIKRA bagi Sesi 2023 / 2024 bagi pemenang Anugerah Emas ialah Program UNISSA International Outreach : Peduli Ummah (Malaysia) daripada Kumpulan Al-Qudwah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UNISSA diikuti Program From UNISSA, For Gaza juga daripada Kumpulan Al-Qudwah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa bagi pemenang Anugerah Perak. Manakala Program KM SDG : Aid First (Awareness Talk) Bulan Sabit Merah UNISSA (Platun 4), Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa memenangi Anugerah Gangsa.

Sementara Anugerah Kecemerlangan Khidmat Masyarakat FIKRA bagi Sesi 2024 /

BRUNEI 2026
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

2025 pula dimenangi oleh Program Ziarah Mahabbah Ke-10, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam merangkul Anugerah Emas manakala, pemenang Anugerah Perak ialah Program Jejak Ramadhan : Sungkai With Anak Yatim (SWAY) Fakulti Teknologi Islam dan Projek Green Hands : Recycling Initiatives Waste Collective Drive, Badan Pelajar Fakulti Pertanian (FASS) memenangi Anugerah Gangsa.

Hadir sama, para tetamu khas dari dalam dan luar negara iaitu daripada Malaysia, Republik Indonesia, Republik Arab Mesir dan Emiriah Arab Bersatu; penaja-penaja; pegawai-pegawai kanan UNISSA dan pegawai-pegawai kanan YSHHB.

Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti 2026, dengan tema 'Memperkasa Khidmat Masyarakat ke Arah Pembangunan Ummah Lestari' diharapkan akan menjadi medan perkongsian amalan terbaik (*best practices*) dalam bidang kesukarelawanan, kemanusiaan, pembangunan komuniti, dakwah dan kesejahteraan sosial di peringkat serantau dan antarabangsa.

Selain itu, Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti 2026 ini diadakan bersempena dengan Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2026 (Brunei MYCE 2026).

LAHIRKAN BANYAK KARYA BERMUTU, BERNILAI INTELEK



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap.

>> Muka 1

Bahasa tumbuh dan berkembang dalam suatu persekitaran, yang di dalamnya terdapat segala macam budaya, pemikiran dan pandangan masyarakat jati yang menuturkannya, dan sebab itulah di negara ini muncul ungkapan 'Bahasa Jiwa Bangsa' yang dijadikan tema utama Sambutan Bulan Bahasa 2026 pada tahun ini kerana roh dan semangat kecintaan yang mendalam terhadap bahasa Melayu telah menjwai sanubari kita sebagai cerminan identiti dan jati diri bangsa.

Yang Berhormat juga menggariskan bahasa yang produktif dan memiliki ciri keilmuan dapat melahirkan gagasan-gagasan baharu sebagai alat penghubung dan pembentuk variasi peradaban yang diwadahi oleh bahasanya.

"Semakin tertib penggunaan bahasa, semakin besar peranan bahasa itu sebagai jambatan menuju peradaban atau ketamadunan bangsa. Oleh itu, pembakuan bahasa sangat penting untuk menjadi sukat-sukat atau pemiawaian bahasa bagi sesebuah negara.

"Meskipun Negara Brunei Darussalam mempunyai tujuh puak yang berlainan dialek, tetapi tetap saja disatukan dalam satu

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal
Haji Said

penggunaan bahasa yang menjadi medium penyatu antara bahasa-bahasa lain yang terdapat di negara ini, iaitu bahasa Melayu Standard sebagai bahasa rasmi negara," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyatakan tidak salah untuk mempelajari bahasa asing atau bahasa pengantar kedua sebagai bahasa ilmu, dan tidak salah juga kita mencedok ilmu dari luar negara yang bukan Melayu, asalkan ilmu tersebut dapat dimanfaatkan, khususnya calak kebruneian, kerana salah satu cara untuk memajukan sesebuah negara ialah dari bahasanya yang mampu mengungkapkan ilmu dengan meletakkan kewibawaan kepada bahasa itu sendiri.

Yang Berhormat dalam ucapannya juga mengongsikan, satu daripada penanda aras terhadap kemajuan sesebuah negara ialah apabila sesebuah negara berupaya memekarkan kosa kata sebagai pengembangan terhadap bahasa negara.

"Namun, dalam keasyikan kita membina atau mewujudkan istilah, kosa kata atau terma-terma baharu yang semakin tumbuh subur, terutama di media sosial, janganlah kita lupa akan kaedah-kaedah pembentukan yang telah digarispandukan oleh institusi-institusi tertentu bagi memastikan keselarasan bahasa Melayu memiliki ciri keilmuan dan tatacara tertentu untuk dipatuhi.

"Selain itu, antara usaha lain bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu adalah dengan melahirkan banyak karya yang bermutu dan bernilai intelek, agar dapat menambah bahan rujukan yang masih terhad, berbanding bahan rujukan ilmiah daripada bahasa-bahasa asing yang lain," tegasnya.

Martabatkan bahasa Melayu dalam era digital

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Selasa, 7 Julai. - Bahasa Melayu telah sekian lama dipelajari, iaitu sejak di alam persekolahan, maka seharusnya kita tidak perlu ragu dan kurang yakin untuk meletakkan kedudukan bahasa Melayu ini sebagai bahasa ilmu dan bahasa persuratan, meskipun menghadapi pelbagai cabaran global yang semakin berkembang.

Setiap orang di dunia ini semestinya tidak menolak akan kehadiran budaya elektronik atau budaya digital dalam menyebarkan ilmu, termasuk pemasaran strategik di arena antarabangsa.

Namun demikian, kepekaan dan kesedaran individu sebagai pengguna perlu ada dalam menyikapi kemajuan yang dibawa oleh era digital ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menekankan perkara itu semasa berucap dalam Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Bahasa (65 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka).

Ini kerana, jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, sama ada kita menyedari atau tidak, berlakunya kerencaman bahasa Melayu, seperti munculnya pengaruh penggunaan bahasa rojak, bahasa tidak baku dan penggunaan tatabahasa yang tidak betul lebih dominan digunakan.

Lebih daripada itu tegasnya, bahasa yang kasar, tidak tepat dan tidak sopan juga boleh mencetuskan ketaksaan, salah pengertian dan konflik.

"Bahasa dan kata-kata membawa pengaruh yang mendalam. Bahasa yang digunakan bukan sahaja membentuk dan mendedahkan

identiti dan pemikiran si penutur, malah pemilihan kata yang dibuat turut memberi impak psikologi serta emosi kepada yang mendengarnya," ujarinya.

Oleh itu jelas Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab yang tidak boleh diabaikan bagi semua pihak untuk memupuk penggunaan bahasa Melayu yang betul dan beradab sedari awal lagi dengan menyaring, membezakan dan menyikapi bahasa Melayu itu sendiri dengan cara yang baik, meskipun media sosial atau platform digital merupakan medium peribadi atau hak individu, tetapi pengguna hendaklah bijak menggunakan medium ini sebagai wahana beretika bagi menyampaikan mesej dalam memastikan maruah bangsa terpelihara.

Selain itu terangnya, kelemahan individu tertentu dalam menyikapi atau kurang berusaha menguasai Bahasa Melayu Standard, termasuk kekeliruan dalam membezakan penggunaan bahasa Melayu harian dengan Bahasa Melayu Standard dalam rangka meningkatkan kemampuan menggunakan bahasa Melayu yang betul, sedikit sebanyak juga telah menjadikan kemahiran menulis atau bertutur secara formal semakin menurun.

"Walhal, inilah merupakan perkara penting dalam mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi," tegas Yang Berhormat lagi.

Justeru Yang Berhormat sekali lagi menekankan bahawa cara yang paling efektif terhadap keberkesanan penggunaan bahasa Melayu itu ialah, dari diri individu itu sendiri, iaitu menggunakan dan berusaha menimbulkan rasa hormat terhadap bahasa Melayu, dengan menjadikan bahasa ini sebagai bahasa ilmu, dinikmati dan dikembanguatkan sebagai satu

bahasa yang menjadi perpaduan, disegani, malahan dipelajari.

Sebagai bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam yang termaktub dalam perlembagaan terangnya, kita perlu meletakkan bahasa Melayu pada kedudukan utama dalam kehidupan, sekali gus mendukung hasrat kerajaan untuk memartabatkan, memelihara, dan mendaulatkan bahasa Melayu agar ia terus kekal sebagai identiti dan jiwa bangsa serta teras kedaulatan negara.

Terdahulu dalam ucapannya, Yang Berhormat menggariskan Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang sangat terkenal dengan pendekatan penerapan dan penggunaan bahasa Melayu yang mana bahasa Melayu sudah awal didaulatkan dan menjadi sebagai bahasa rasmi negara, dan telah dimeterai dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, iaitu sebelum Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh pada 1 Januari 1984.

Istimewanya, pada tahun ini Sambutan Bulan Bahasa ditandai dengan mengambil sempena dan memperingati 65 tahun penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Ditubuhkan pada tahun 1961, DBP telah menggalas misi dan visi jabatan, selaras dengan kehendak negara dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu bagi memperkukuh perkembangan bahasa, sastera dan kebudayaan Melayu di Negara Brunei Darussalam.

Sambutan Bulan Bahasa yang pertama kalinya diadakan pada tahun 1962 sehingga kini jelas membuktikan bahawa peranan bahasa Melayu di negara ini tidak dipandang ringan, meskipun menghadapi pelbagai hambatan yang semakin mencabar kedudukan bahasa Melayu.

Bahasa Melayu sebagai wahana perpaduan, wadah ilmu



BERAKAS, Selasa, 7 Julai. - Sambutan Bulan Bahasa 2026 (65 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka) yang diselenggarakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan tema 'Bahasa Jiwa Bangsa' telah berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, yang turut disiarkan secara langsung melalui penstriman laman media sosial DBP.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji

Mustapha.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Kemudian diikuti dengan ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, selaku pengerusi yang antara lain menyatakan kita wajib memperkukuh kesedaran bahawa bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara, dan seterusnya menggariskan agenda pemartabatan ini tidak akan lengkap tanpa kita mengangkat

MAJLIS diteruskan dengan lafaz Ikrar Bulan Bahasa oleh seramai 16 orang penuntut yang diketuai oleh Setiausaha Pertama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Duta Bahasa 2018, Awang Haji Abdul Rashid bin Haji Damit (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis.

aspek kedaulatan tulisan Jawi.

"Di Negara Brunei Darussalam, tulisan Jawi bukan sekadar seni aksara, tetapi ia adalah warisan tamadun bangsa yang sangat tinggi nilainya. Kepentingan ini telah pun digariskan dengan jelas melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 21/1988 bertarikh 19 Julai 1988.

"Surat Keliling tersebut dengan tegas mengarahkan agar tulisan Jawi disandarkan bersama tulisan Rumi pada setiap papan tanda bangunan kerajaan dan badan perniagaan. Malah dititipkan syarat jelas: Tulisan Jawi hendaklah ditulis dua kali ganda besarnya daripada tulisan Rumi dan diletakkan di sebelah atas," jelas Awang Suip.

Oleh yang demikian tambahnya, papan tanda perniagaan di negara ini mestilah menampilkan tulisan Jawi dan terjemahan bahasa Melayu yang betul.

Papan tanda komersial bukan



sekadar hiasan premis, tetapi ia adalah wajah dan identiti visual negara, apabila para pengusaha perniagaan mematuhi ketetapan ini, kita sebenarnya sedang bersama-sama mempamerkan sebuah ekosistem yang mendaulatkan jati diri Melayu Brunei kepada dunia luar, terangnya lagi.

Awang Suip juga mengongsikan bahawa sepanjang 65 tahun ini, DBP telah melakar banyak pencapaian, daripada penerbitan E-Kamus Bahasa Melayu Brunei sehinggalah transformasi digital melalui e-buku.

Agenda pemerkasaan ini terus diperhebat tahun ini melalui

pelbagai program berimpak tinggi, antaranya Pelancaran Strategi Membaca Kebangsaan, Pesta Buku Brunei 2026 dan Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Penerbitan Majalah Bahana, ujarinya.

Majlis diteruskan dengan lafaz Ikrar Bulan Bahasa oleh seramai 16 orang penuntut dari Institut Kemuda, Kolej Perdagangan dan Teknologi Cosmopolitan, dan Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa yang diketuai oleh Setiausaha Pertama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Duta Bahasa 2018, Awang Haji Abdul Rashid bin Haji Damit.

>> Muka 13

Memacu penerokaan saintifik bagi perkembangan intelektual negara



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak hadir selaku tetamu kehormat serta merasmikan seminar berkenaan yang telah mengambil tempat di Dewan Mawaddah, Setia Point, Berakas.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Selasa, 7 Julai. - Seminar Ilmu Falak dan Astronomi menghimpunkan pakar-pakar terkemuka dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Republik Indonesia dan Malaysia dalam bidang astronomi dan kajian cakerawala serta penentuan waktu sembahyang.

Seminar yang berlangsung di Dewan Mawaddah, Setia Point ini menjadi wadah dinamik bagi para sarjana, pengamal dan pencinta ilmu untuk bertukar pengetahuan dan berkongsi penemuan serta menyemarakkan perkembangan intelektual.

Seminar tersebut dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Dalam ucapnama yang disampaikan oleh bekas profesor di Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia, Dr. Baharrudin bin Zainal yang bertajuk 'Ilmu Falak Sebagai Mekanisme Sains, Sosial dan Agama' telah memberikan sorotan menyeluruh bahawa Ulul-albab perlu memanfaatkan sumber alam dalam ilmu falak untuk membentuk konsep dan aplikasi yang mendidik manusia mengenali Pencipta dan memudahkan ibadat serta mengangkat martabat insan.

Sepanjang seminar tersebut

sembilan kertas kerja telah dibentangkan oleh pakar-pakar jemputan antaranya 'Evolusi Perkembangan Ilmu Falak dan Astronomi di NBD' oleh Pemangku Juruukur Kanan, Jabatan Ukur, Awang Haji Khairul Abidin bin Haji Sulaiman menghuraikan mengenai kemajuan negara dalam bidang Falak melalui teknologi moden.

Sementara itu, 'Menyingkap Langit Dari Balai Cerap Persendirian' oleh Konsultan Astronomi Malaysia, Shahrin bin Ahmad berkongsi pengalaman unik balai cerap persendirian yang menunjukkan bagaimana sains rakyat menyumbang kepada penyelidikan global.

'Astronomi Islam di Indonesia : Tradisi dan Inovasi' pula oleh profesor di Universiti Sunan Kalijaga Yogyakarta, Profesor Dr. Susiknan Azhari, membentangkan perjalanan transformasi astronomi Islam di Republik Indonesia.

Manakala 'Kalendar : Kaitannya dengan Astronomi' oleh bekas juruukur di Jabatan Ukur, Awang Haji Julaihi bin Haji Lamat telah mengupas hubungan sejarah antara astronomi dan sistem kalendar.

'Ilmu Falak Dalam Skop Besar Astronomi' oleh bekas profesor di Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia, Dr. Baharrudin menelusuri evolusi astronomi dari asal-usul

Yunani hingga ke astrofizik moden.

Selain itu, 'Ilmu Falak Sebagai Instrumen Da'wah : Penyediaan Taqvim Hijri dan Pemeliharaan Maqasid Syariah' oleh Penolong Pegawai Agama di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid menekankan falak sebagai alat dakwah dan pemeliharaan Maqasid Syariah.

Sementara 'Kalendar Hijriyyah Islam Mandiri Berbasis Kriteria 29 : Tinjauan Sejarah dan Astronomis' oleh Astronomis di Balai Cerap Imahnoong, Hendro Setiyanto, Republik Indonesia mengusulkan kalendar Hijrah mandiri yang berasaskan ketepatan astronomi.

'Nilai-nilai di Malam Hari' disampaikan oleh Imam Tingkat III di Daerah Belait, Awang Muhammad Zulhimi bin Mohd. Jefri merenung nilai-nilai kerohanian pada waktu malam dan 'Pengalaman Pencerapan Hilal di NBD' oleh Hakim Mahkamah Syariah Rendah, Awang Haji Sahrin bin Haji Kadih berkongsi peranan kehakiman beliau dalam pemerhatian Hilal, menekankan komitmen NBD terhadap pawaian astronomi serantau.

Seminar Astronomi Brunei MYCE 2026 yang dianjurkan oleh Jabatan Ukur menutup tirainya dengan meninggalkan impak yang mendalam kepada para peserta serta mengukuhkan komitmen NBD dalam memajukan penerokaan saintifik dan perkembangan intelektual.

Bahasa Melayu sebagai wahana perpaduan, wadah ilmu

Oleh : Khartini Hamir

>> Muka 12

Kemuncak acara ialah ucapan daripada tetamu kehormat, dan seterusnya pelancaran Sambutan Bulan Bahasa 2026 (65 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka) dan kegiatan-kegiatan di bawahnya.

Turut diselajurkan, tayangan klip video Bulan Bahasa dan pelancaran lima buah buku terbaharu terbitan DBP iaitu 'Kumpulan Sajak Tanda Hampir Kiamat', 'Lorek Bahasa Santun Bahasa', 'Ustazah Kecil: Doa dan Zikir Harian', 'Misi Lima Sahabat' dan 'Pateh Berbai'.

Selain itu, pengisian mega sambutan ini ialah Wacana Bahasa: 'Bahasa Jiwa Bangsa' yang berkonsepkan forum ilmu.

Wacana Bahasa disampaikan oleh dua orang panel pembicara iaitu Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, dan Elit Budaya, Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid, dan moderator ialah Duta Bahasa 2015, Awang Mohammed Zefri Arif bin Mohammed Zain Ariff.

Pada majlis itu juga, tetamu kehormat berkesudian menyempurnakan penyampaian sijil, hadiah dan cenderamata kepada panel Wacana Bahasa, penulis buku terbaharu terbitan DBP, pelajar cemerlang mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu bagi Peperiksaan Brunei Cambridge G.C.E Peringkat 'O' dan 'A', Tahun 2025, rakan korporat dan pembaca ikrar.

Objektif Sambutan Bulan Bahasa adalah untuk menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengisytiharkan bulan Julai sebagai Bulan Bahasa semasa Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan DBP pada Sabtu, 17 September 2011 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Di samping itu, sambutan ini juga bertujuan untuk memperkukuh peranan bahasa Melayu sebagai wahana perpaduan, wadah ilmu dan pembangunan negara, selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja, dalam upaya untuk meningkatkan kesedaran masyarakat holistik tentang kepentingan memelihara dan mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang menjadi lambang identiti negara.

Seramai kira-kira 1,000 orang jemputan hadir terdiri daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Tuan Yang Terutama Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Bulan Bahasa 2026; ketua-ketua jabatan; penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award); mantan Pengarah dan Timbalan Pengarah DBP; Duta-duta Bahasa; ketua-ketua persatuan; rakan korporat; pegawai-pegawai kanan kerajaan; para penulis; pencinta bahasa sastera dan budaya; wakil media serta pelayar dalam dan luar negara.

MEMPERKUKUKAN KEPIMPINAN STRATEGIK, PENYELARASAN DASAR



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Julai. - Kementerian Pertahanan dengan secara rasminya melancarkan Majlis Pembukaan Program Perkembangan Eksekutif Ke-21 bagi Pegawai-pegawai Kerajaan Kanan Dalam Dasar Awam dan Pengurusan (EDP 21/2026) yang berlangsung di Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanah Bolkiah (IPPSSHHB), Bolkiah

Garison, hari ini.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Dalam ucapan perasmiannya, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi menekankan bahawa EDP kekal sebagai platform penting

dalam mengukuhkan kepimpinan strategik, penyelarasan dasar dan penyampaian sektor awam yang berkesan.

Beliau juga menyatakan bahawa penganjuran EDP21/2026 diadakan pada waktu yang amat signifikan ketika Negara Brunei Darussalam (NBD) terus melangkah ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035, yang mana ia memerlukan pegawai-pegawai kanan menterjemahkan keutamaan negara kepada hasil yang nyata

SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Pertahanan bergambar ramai pada majlis berkenaan.

dan memberi manfaat kepada rakyat.

Dalam masa yang sama, beliau turut menegaskan kepentingan pendedahan antarabangsa, pembelajaran secara seluruh kerajaan (Whole of Government) serta kerelevanan dasar tempatan dalam mempersiapkan pegawai-pegawai kanan untuk menghadapi persekitaran yang semakin kompleks.

Beliau menggalakkan para peserta agar mengikuti program ini dengan sikap terbuka, berdisiplin dan penuh iltizam serta kembali sebagai penasihat dasar yang lebih berwibawa, pelaksana yang berkesan dan pemimpin strategik yang berkhidmat demi kepentingan negara.

Diselarasakan oleh IPPSSHHB, EDP 21/2026 akan dikendalikan oleh Lee Kuan Yew School of Public Policy (LKYSPP), National University of Singapore. Program selama 14 minggu ini akan berlangsung dari 6 Julai 2026 hingga 8 Oktober 2026. Program ini merangkumi

kuliah, bengkel, latihan berasaskan senario dan lawatan pembelajaran serta projek berkumpulan.

Kesemua aktiviti tersebut akan menyumbang ke arah penyediaan dan pembentangan Kertas Latihan Analisis Dasar (PAE).

Dengan jumlah seramai 29 peserta EDP 21/2026 terdiri daripada pegawai kanan daripada ABDB, Pasukan Polis Diraja Brunei, pegawai kanan kerajaan dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pendidikan, di samping empat peserta antarabangsa yang mewakili Malaysia, Republik Singapura, Republik Rakyat China dan Kesultanan Oman.

EDP berfungsi sebagai wadah penting dalam memupuk kerjasama rentas sektor, meningkatkan kefahaman antara kementerian dan agensi kerajaan dan meningkatkan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi cabaran kompleks dan multidimensi dalam persekitaran global yang semakin dinamik.

Seramai 505 pegawai kanan telah berjaya menamatkan EDP anjuran Kementerian Pertahanan sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2004.

PERANAN BELIA MEMACU INOVASI PEMULIHARAAN EKOSISTEM MARIN



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penutup 'Future Ocean Changemaker Youth Forum' sempena Minggu Lautan Brunei di Pusat Seni Pro-Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD). Turut hadir, Timbalan Naib Canselor UBD, Penolong Naib Canselor (Penglibatan Global), UBD, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD.

Oleh : Muhammad Ali Norhadi Abdullah Mohammad Noh
Foto : Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Selasa, 7 Julai. - 'Future Ocean Changemaker Youth Forum' yang berlangsung sempena Minggu Lautan Brunei menutup tirainya hari ini dengan Majlis Penutup yang diadakan di bangunan Pusat Seni Pro-Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Turut hadir pada majlis penutup tersebut ialah Timbalan Naib Canselor UBD, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha

Bijaya Haji Othman, Penolong Naib Canselor (Penglibatan Global), UBD, Dr. Joyce Teo Siew Yean, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Michael Hoy, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Guterres, perwakilan daripada UBD, penceramah undangan, guru-guru dan para pelajar dari NBD dan negara-negara ASEAN.

Forum yang bertemakan 'The Next Blue Wave: Youth, Innovation & Ocean Opportunities' itu dianjurkan bagi memberi ruang kepada

golongan belia untuk berkongsi idea, meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan ekosistem marin serta meneroka pendekatan inovatif dalam menangani cabaran berkaitan lautan.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa sebelum diteruskan dengan ucapan penutup oleh Dayang Arina Zawani binti Mohamad Adam bagi mewakili Poni Group. Dalam ucapan beliau, golongan belia memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan lautan melalui ilmu pengetahuan, inovasi dan kepimpinan. Beliau menjelaskan bahawa para belia adalah digalakkan untuk bersikap aktif dari pelbagai aspek kemasyarakatan kerana pengalaman tersebut mampu

membentuk nilai dan hala tuju kerjaya pada masa hadapan kerana setiap langkah kecil yang diambil adalah berpotensi menjadi asas kepada kejayaan pada masa depan sekali gus membawa kepada perubahan yang bermakna.

Acara diteruskan dengan ucapan penutup daripada tetamu kehormat majlis yang antara lain menjelaskan bahawa forum tersebut menghimpunkan golongan muda dari NBD dan seluruh ASEAN untuk mempelajari tentang lautan sebagai sumber ilmu, peluang dan tanggungjawab bersama.

Kemudian, Dr. Haji Azman menekankan kepentingan utama dalam memacu kelestarian lautan melalui inovasi, ilmu pengetahuan

dan kerjasama serantau. Penglibatan generasi muda adalah sebagai pemangkin perubahan dalam usaha memelihara sumber laut serta menyumbang kepada pembangunan mampan negara selaras dalam usaha menyokong Wawasan Brunei 2035. Dr. Haji Azman turut merakamkan penghargaan kepada semua penganjur, rakan kerjasama dan para peserta atas kerjasama dalam menayakan forum tersebut.

Acara turut diserikan dengan tayangan video imbas kembali perjalanan forum yang memaparkan pelbagai aktiviti, perkongsian ilmu dan penglibatan para peserta sepanjang program berlangsung selama dua hari.

Seterusnya, penyampaian tanda penghargaan kepada para penceramah atas sumbangan dan perkongsian kepakaran mereka dalam menjayakan forum tersebut.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis, wakil kedutaan, penceramah, rakan kerjasama serta para peserta yang terlibat.

Forum ini merupakan salah satu platform yang menggalakkan penyertaan belia dalam membentuk masa depan lautan yang lebih mampan melalui pendidikan, inovasi dan kerjasama dari pelbagai pihak dan menekankan peranan penting golongan belia dalam menerajui inovasi, pemuliharaan dan peluang berkaitan lautan pada masa hadapan.

Lagu 'Daulat Sepanjang Zaman' johan Gemilang Keputeraan 80



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada pertandingan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Julai. - Lagu 'Daulat Sepanjang Zaman', hasil ciptaan Awang Norhidayat bin Haji Ahim dengan susunan muzik oleh Awang Muhd. Hazwan bin Anuar, dinobatkan sebagai johan Pertandingan Peringkat Akhir Gemilang Keputeraan 80 sekali gus memenangi Lirik Terbaik.

Naib johan pula disandang oleh lagu 'Puja Usia Raja Mahkota Negara', hasil ciptaan Pengiran Abdul Farid bin Pengiran Idrus dengan susunan muzik oleh Awang Muhd. Hazwan.

Sementara itu, tempat ketiga dimenangi oleh lagu 'Jiwa Seri

Baginda', hasil ciptaan dan susunan muzik oleh Awang Muhd. Abdul Basit Raduan, manakala liriknya ditulis oleh Awang Faiz Nawi.

Persembahan Terbaik pula dimenangi oleh Andie Othman dengan tajuk lagu 'Puja Usia Raja Mahkota'.

Johan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND3,000 manakala naib johan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND2,500 dan pemenang tempat ketiga membawa pulang BND2,000, masing-masing berserta trofi dan sijil.

Bagi Kategori Persembahan Terbaik, pemenang menerima

hadiah wang tunai sebanyak BND1,000, manakala Lirik Terbaik pula menerima hadiah wang tunai sebanyak BND500, kedua-duanya berserta trofi dan sijil.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang pada acara yang berlangsung di Dewan Teater, Jabatan Perdana Menteri (JPM) baru-baru ini ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali.

Gemilang Keputeraan 80 merupakan sebuah pertandingan mencipta lagu anjuran Radio Televisyen Brunei (RTB) yang merupakan inisiatif yang signifikan bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80, Tahun 2026 untuk penghasilan karya muzik tempatan yang berkualiti, berjiwa patriotik dan berdaya saing.

Di samping menjadi platform untuk mengetengahkan bakat-bakat baharu dalam bidang penciptaan lagu, pertandingan berkenaan juga diharap akan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



dapat meningkatkan lagi perkembangan industri kreatif serta memperkukuhkan apresiasi masyarakat terhadap karya seni tempatan.

Pada pertandingan tersebut, sebanyak sembilan buah lagu berjaya masuk ke peringkat akhir untuk dinilai dari segi keaslian melodi, keindahan lirik, serta kekuatan mesej yang dibawakan.

Antara objektif pertandingan Gemilang Keputeraan 80 diadakan adalah bagi menzahirkan semangat kecintaan dan kesetiaan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui karya seni muzik yang berjiwa patriotik dan berbudaya.

Di samping mencungkil bakat penciptaan lagu dan lirik yang kreatif serta bermakna, pertandingan juga bertujuan bagi memartabatkan institusi diraja dan menjulang kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam estetika seni nyanyian.

Hadir sama ialah Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong; pegawai-pegawai kanan RTB serta orang ramai.

FORUM KETENGAHKAN PERANAN KHIDMAT MASYARAKAT DALAM PEMBANGUNAN UMMAH LESTARI



PEMANGKU Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hadir selaku tetamu kehormat majlis (kanan), manakala gambar kiri, forum menampilkan barisan ahli panel yang terdiri daripada tokoh dan pengamal dalam bidang khidmat masyarakat, pendidikan, kebajikan dan pembangunan komuniti.

Manakala Penolong Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA, Awang Muhammad Fuad bin Haji Matahir, selaku moderator. Melalui forum ini, perbincangan menyentuh tentang kepentingan khidmat masyarakat sebagai wadah membina ummah yang prihatin, berilmu dan bertanggungjawab.

Melalui perkongsian ilmiah dan pengalaman lapangan, para ahli panel mengupas bagaimana penglibatan aktif institusi pendidikan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan masyarakat umum mampu memperkukuh kesejahteraan sosial, menyantuni golongan memerlukan serta menyumbang kepada pembangunan komuniti yang seimbang dan berdaya tahan.

Pendekatan khidmat masyarakat bukan sahaja dilihat sebagai amal kebajikan, malah sebagai usaha strategik dalam membentuk nilai ihsan, kepimpinan, kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial ke arah melahirkan ummah lestari yang mampu menghadapi cabaran semasa.

Forum ini diharapkan dapat menjadi salah satu platform wacana ilmiah bagi membincangkan secara lebih mendalam kepentingan khidmat masyarakat dalam memperkasa komuniti, memperkasa peranan Institusi Pendidikan dalam agenda tanggungjawab sosial termasuk menggalakkan jaringan kerjasama antara institusi tempatan dan antarabangsa dalam projek kemasyarakatan.

ANTARA pelajar yang menghadiri forum berkenaan.



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Julai. - Bersempena Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti 2026 (IC-COPE 2026), satu Forum Persidangan Khidmat Masyarakat telah diadakan di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad.

Forum ini menampilkan barisan

ahli panel yang terdiri daripada tokoh dan pengamal dalam bidang khidmat masyarakat, pendidikan, kebajikan dan pembangunan komuniti.

Antara ahli panel yang terlibat ialah Penolong Pengarah Urusan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Iswandy bin Ahmad; Pengarah Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk dan Kaunselor Pelawat, UNISSA, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.



PENYAKIT KARDIOVASKULAR

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:
penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang ke-2 tertinggi

FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

LANGKAH PENCEGAHAN

- Tidak merokok
- Ketahui tekanan darah awda
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda
- Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula
- Tangani stres dengan bijak
- Elakkan meminum minuman keras

"Fahami risiko awda"
Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

منوجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAAAN ALLAH كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

DOA ialah ibadah penting yang menjadi penghubung antara manusia dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Melalui doa, seseorang memohon kebaikan, perlindungan, dan pengampunan kepada Tuhannya dengan mengharap pertolongan-Nya dan juga bantuan daripada-Nya. Doa juga menjadi sumber kekuatan rohani yang menenangkan jiwa, menguatkan hati, dan memberi harapan dalam kesusahan.

Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan dan menganjurkan hamba-Nya agar sentiasa berdoa kepada-Nya sama ada dalam keadaan susah mahupun senang, sempit mahupun lapang. Doa adalah bentuk penghambaan yang sangat mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan Dia tidak pernah bosan mendengar rintihan serta harapan hamba-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 186 mafhumnya :

Jangan pernah berhenti berdoa

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku maka (katakan kepada mereka) : "Sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku memperkenankan permohonan orang-orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku".

Ayat ini mengingatkan kita bahawa Allah Subhanahu Wata'ala sangat dekat dengan hamba-Nya. Setiap doa yang dipanjatkan tidak akan sia-sia. Selagi seseorang berdoa dengan keyakinan, keikhlasan dan kesungguhan, maka Allah Subhanahu Wata'ala pasti akan memperkenankannya sama ada di dunia atau di akhirat.

Apabila seseorang berdoa dengan ikhlas, Allah pasti memberi balasan terhadap doa itu. Balasan tersebut mungkin dalam bentuk Allah terus mengabulkan apa yang diminta, atau Allah menghindarkan bahaya dan musibah yang setara dengan doa itu. Ini berdasarkan sebuah hadis daripada Jabir dia berkata aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya :

"Tidaklah seseorang berdoa dengan sebuah doa kecuali Allah akan memberikan apa yang ia minta atau menghindarkan keburukan yang serupa dengan doa itu, sepanjang ia tidak melakukan dosa atau memutus tali silaturahmi".

(Hadis Hasan riwayat Imam At-Tirmidzi)
ContohNya seseorang berdoa supaya dipermudahkan rezeki. Mungkin dia belum mendapat kekayaan yang diharapkan, tetapi Allah menjauhkan dia daripada kemalangan, penyakit, atau kesusahan besar. Itu juga merupakan jawapan kepada doanya.

Hadis ini mengajar supaya terus berdoa dan tidak putus asa apabila doa belum dimakbulkan, dan sentiasa yakin bahawa Allah mendengar setiap permintaan.

Kebanyakan daripada kita akan bersungguh-sungguh berdoa ketika ditimpa sakit, musibah, atau pelbagai ujian yang membebaskan kehidupan. Namun, apabila kesembuhan telah dikurniakan, dan segala musibah serta kesulitan itu telah Allah angkat daripada diri kita, sering kali kita menjadi lalai. Doa yang dahulu tidak pernah leka di bibir semakin jarang dipanjatkan, dan kita tidak

lagi menzahirkan rasa kehambaan kepada-Nya.

Padahal salah satu kunci dikabulkannya doa yang kita panjatkan saat dalam keadaan susah sudah pernah disebutkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya :

"Sesiapa yang ingin doanya dikabulkan oleh Allah di waktu susah, maka hendaklah dia memperbanyakkan doa di waktu senang".

(Hadis Gharib riwayat Imam At-Tirmidzi)
Oleh itu, berdoaalah dengan sepenuh hati dan terus berharap meskipun jawapannya belum terlihat. Yakini bahawa setiap doa adalah bisikan tulus seorang hamba kepada Tuhan yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui segala keresahan dan pengharapan. Jangan jadikan doa sebagai pilihan terakhir atau amalan ketika terdesak sahaja, sebaliknya jadikanlah ia nadi kehidupan iaitu amalan yang menyuburkan jiwa dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوِضْ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

BELIA DIGALAK TERAJUI MASA DEPAN EKONOMI BIRU NEGARA



SESI tersebut diteruskan dengan forum panel yang dikendalikan oleh Paula Malai Ali bertajuk 'Future Ocean Careers : From Science and Fisheries to Startups and Storytelling'.

BRUNEI 2026
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

TUNGKU LINK, Isnin, 6 Julai. - Seramai 180 pelajar dari sekolah menengah, Pusat Tingkatan Enam, Institusi Pengajian Tinggi tempatan serta universiti ASEAN + 3 yang menyertai Program UBD-AUN Summer Camp telah mengikuti Future Ocean Changemakers Youth Forum 2026. Majlis perasmian telah berlangsung di Pusat Kesenian Pro-Chancellor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), pagi tadi.

Sebagai salah satu acara utama di bawah Ocean Week Brunei 2026, forum yang berlangsung selama dua hari tersebut dianjurkan oleh Yayasan Poni (Poni Foundation) dengan kerjasama UBD. Memasuki edisi ketiga pengajuannya, forum tersebut mengangkat tema, 'The Next Blue Wave : Youth, Innovation & Ocean Opportunities' memberi fokus peranan belia dalam membentuk masa depan kelestarian lautan, inovasi marin dan pembangunan ekonomi biru Brunei.

Selain menjadi platform belia yang terpenting di bawah Ocean Week Brunei 2026, forum juga bertujuan memperkukuh pembangunan belia, pembinaan kapasiti dan advokasi lautan. Ia direka untuk memberi inspirasi kepada belia tempatan dan serantau agar lebih memahami cabaran yang dihadapi lautan di Negara Brunei Darussalam (NBD), ASEAN dan peringkat global, di samping menggalakkan mereka mengambil tindakan sebagai wira lautan masa hadapan.

Melalui usaha tersebut, Ocean Week Brunei berharap dapat membantu golongan muda memperluaskan impak mereka, membina rangkaian serantau dan menyumbang secara lebih bermakna kepada pembangunan ekonomi biru negara.

Tetamu kehormat majlis, Penolong Naib Canselor (Penglibatan Global), UBD, Dr. Joyce Teo Siew Yean dalam ucapannya menekankan kepentingan memberi peluang kepada golongan muda mendalami isu-isu sebenar seperti pemuliharaan marin, urbanisme biru, kelestarian, tindakan iklim dan inovasi.

Beliau turut menggalakkan para peserta membangunkan kemahiran praktikal seperti pemikiran sistem,

literasi data, penceritaan, kerjasama rentas budaya serta keupayaan menterjemahkan idea kepada tindakan.

Beliau turut mengingatkan bahawa ilmu bukan sekadar untuk dikumpulkan, tetapi perlu dihubungkan. Menurutnya, lautan tidak boleh difahami hanya melalui satu disiplin kerana ia merangkumi aspek biologi, ekonomi, masyarakat, dasar, teknologi dan tanggungjawab bersama. Justeru, generasi penggerak perubahan perlu memahami kerumitan tersebut sambil terus berani bertindak dan berusaha secara berterusan.

Manakala Pengerusi Yayasan Poni merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Poni, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah dalam ucapannya menggalakkan para peserta supaya sentiasa bersikap ingin tahu, berfikiran terbuka dan bersedia mengambil langkah pertama dalam meneroka peluang berkaitan lautan.

Melalui pembentangannya bertajuk, 'The Next Blue Wave : Turning Passion into Ocean Impact', beliau berkongsi bagaimana minat awal terhadap aktiviti menyelam, kegiatan belia dan pemuliharaan boleh berkembang menjadi laluan kerjaya dalam bidang perniagaan, kelestarian, teknologi, pelancongan, pembangunan komuniti serta pembangunan negara.

Beliau turut menjelaskan bahawa kerjaya berkaitan lautan bukan sahaja terhad kepada biologi marin atau aktiviti selam skuba, malah meliputi bidang perniagaan, teknologi, media, dasar, perikanan, pembangunan komuniti dan inovasi. Para peserta juga digalakkan mengenal pasti satu masalah berkaitan lautan, satu kemahiran yang mampu mereka sumbangkan dan seorang individu yang boleh dijadikan rangkaian bagi memulakan perjalanan mereka dalam memberi impak kepada lautan.

Ucapan forum disampaikan oleh Mary Jane Lamoste, wakil Serantau Asia bagi Sustainable Ocean Alliance dan Usahawan Sosial Tagpi-Tagpi, menerusi tajuk, 'The Ocean as ASEAN's Next Big Opportunity : Why Youth Must Lead the Blue Economy'. Semasa pembentangan, beliau mengaitkan kepimpinan belia serantau dengan pelbagai peluang dalam bidang kelestarian marin, keusahawanan dan ekonomi biru.

Tema pertama forum memberi fokus kepada 'Blue Economy Careers : Pathways for the Next Generation' telah disampaikan oleh Nelson Maia Siqueira Amaral daripada Blue Ventures Timor-Leste

membentangkan peluang kerjaya berkaitan lautan yang melangkaui bidang sains marin tradisional, termasuk perikanan, data, pembangunan komuniti dan dasar.

Sesi tersebut diteruskan dengan forum panel yang dikendalikan oleh Paula Malai Ali bertajuk 'Future Ocean Careers : From Science and Fisheries to Startups and Storytelling', menampilkan wakil daripada Jabatan Perikanan, Blue Ventures, Tagpi-Tagpi, Poni

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

Foundation / Kitani Kreatif serta Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam.

Tema kedua, 'Blue Urbanism : Coastal Cities, Communities & Ocean Futures', membincangkan bagaimana bandar pesisir dan komuniti setempat dapat menyesuaikan diri dengan perubahan iklim sambil memperkukuh hubungan dengan lautan.

Dalam sesi tersebut, Dr. Izni Azrein Noor Azalie membentangkan kajian kes mengenai urbanisme biru berasaskan warisan di Kampong Ayer, manakala Jonathan Daniel Maxey daripada ADS menyampaikan pembentangan secara maya mengenai cabaran perubahan iklim terhadap bandar pesisir. Sementara itu, Nadea Nabila, Pengasas Azura Indonesia, berkongsi mengenai komuniti pesisir yang hidup selari dengan alam lautan.

Forum panel yang dikendalikan oleh Shaun Hoon kemudiannya membincangkan tajuk 'Living With the Ocean : How Coastal Communities Can Shape Sustainable Cities', dengan menentengkan pandangan mengenai perancangan bandar pesisir, mata pencarian komuniti serta pembangunan ekonomi biru

yang mampan.

Pada sebelah petang, para peserta menyertai sesi interaktif dalam kumpulan kecil yang memberi pendedahan lebih mendalam kepada pelbagai bidang berkaitan tindakan dan kerjaya lautan.

Antara topik yang dibincangkan termasuk ekonomi biru, inovasi marin dan syarikat pemula (*startup*), laluan menjadi wira lautan, kempen belia, kerjaya dalam industri selam skuba, perikanan dan akuakultur mampan, teori perubahan bagi tindakan belia serta advokasi pemuliharaan lautan di rantau ASEAN.

Pada hari kedua, peserta dijadualkan menyertai lawatan lapangan ke enam organisasi dan kemudahan berkaitan sektor marin di NBD iaitu Tentera Laut Diraja Brunei, Muara Port Company, Polis Marin Brunei, Pusat Pendaratan Ikan Antarabangsa Muara, Jabatan Perikanan dan Brunei Gas Carriers.

Program turut merangkumi sesi kepimpinan dan advokasi lautan melalui penceritaan, pembentangan oleh jurugambar dan juruvideo bawah air profesional Ram Yoro, tayangan dokumentari The Invisible Catch (2026) serta majlis penutup forum.



BALAI KHAZANAH ISLAM
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH ISLAMIC KHAZANAH PALACE

قِمْبُوكَانْ بِيْلِقْ رَامْبُوتْ مَوْلِيَا رَسُولِ اللَّهِ ﷺ

PEMBUKAAN BILIK RAMBUT MULIA RASULULLAH ﷺ

SEMPENA SAMBUTAN

**HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-80**

DIBUKAKAN UNTUK KUNJUNGAN
ORANG RAMAI SELAMA

3 HARI

15 - 18 JULAI 2026

RABU - SABTU
(KECUALI HARI JUMAAT)

29 MUHARRAM 1448
15 JULAI 2026
GALERI DIBUKA: 1:30 PETANG HINGGA 5:00 PETANG
KAUNTER TIKET DIBUKA: 1:30 PETANG HINGGA 4:00 PETANG

1 SAFAR 1448 & 3 SAFAR 1448
16 & 18 JULAI 2026
GALERI DIBUKA: 9:00 PAGI HINGGA 5:00 PETANG
KAUNTER TIKET DIBUKA: 8:30 PAGI HINGGA 4:00 PETANG

NOTA : TIKET LAWATAN BOLEH DIBELI AWAL, TIDAK MEMPUYAI TARIKH LUPUT DAN HANYA SAH DIGUNAKAN SEKALI SAHAJA.



**TEMPAH TIKET
AWDA DI SINI**

IG BALAIKHAZANAHBN
f BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
WWW.BKISHB.GOV.BN
+673 224 1697
+673 815 3267

Kedudukan Sembahyang Jamak Taqdim Yang Menyalahi Tertib

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ORANG yang dalam pelayaran (*musafir*) diberikan keringanan (*rukhsah*) untuk mengerjakan sembahyang secara jamak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh syara'. Sembahyang secara jamak bererti menghimpunkan dua sembahyang fardhu dan mengerjakan kedua-duanya dalam salah satu waktu daripada kedua-dua sembahyang tersebut, iaitu dengan menghimpunkan sembahyang Zuhur dengan sembahyang Asar atau menghimpunkan sembahyang Maghrib dengan sembahyang Isya', sama ada secara jamak taqdim atau jamak ta'khir. Adapun sembahyang fardhu Jumaat, hukumnya adalah sama seperti sembahyang Zuhur namun hanya diharuskan untuk dikerjakan secara jamak taqdim sahaja.

Ketika dalam pelayaran, jika seseorang mengerjakan sembahyang secara jamak taqdim dengan mendahulukan sembahyang Asar, kemudian diikuti dengan sembahyang Zuhur, apakah kedudukan kedua-dua sembahyang yang dikerjakannya itu?

Jamak taqdim ialah mengerjakan sembahyang Asar dalam waktu Zuhur atau mengerjakan sembahyang Isya' dalam waktu Maghrib. Untuk mengerjakan sembahyang secara jamak taqdim terdapat syarat-syarat yang perlu dipenuhi, iaitu :

1. Tertib : Tertib dalam jamak taqdim bermaksud mendahulukan sembahyang (pertama) yang empunya waktu ke atas sembahyang (kedua) yang dihipunkan mengikut urutan sembahyang fardhu. Oleh itu, sembahyang Asar yang dihipunkan dalam waktu Zuhur, maka hendaklah sembahyang Zuhur dikerjakan terlebih dahulu sebelum sembahyang Asar. Atau sembahyang Isya' yang dihipunkan dalam waktu Maghrib, maka hendaklah sembahyang Maghrib dikerjakan terlebih dahulu sebelum sembahyang Isya'.

Mendahulukan sembahyang (pertama) yang empunya waktu ke atas sembahyang (kedua) yang dihipunkan adalah kerana dua sebab. Pertama, kerana *ittiba'* mengikut perbuatan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam. Kedua, kerana sembahyang pertama itu adalah yang diikuti (*matbu'*), manakala sembahyang kedua pula adalah pengikut (*tabi'*). Oleh itu, pengikut tidak boleh mendahului yang diikuti.

2. Niat : Berniat dalam sembahyang pertama untuk mengerjakan sembahyang kedua secara jamak taqdim.

3. *Muwalah* : Mengerjakan kedua-dua sembahyang secara berturut-turut tanpa dipisahkan oleh tempoh yang lama antara kedua-duanya menurut kebiasaan (*'urf*). Tempoh yang dianggap lama itu ialah kadar mengerjakan sembahyang dua rakaat secara ringkas. Jika tempoh yang memisahkan kedua-dua sembahyang itu melebihi kadar mengerjakan sembahyang dua rakaat secara ringkas, maka terputuslah muwalah sekalipun disebabkan keuzuran syara' seperti gila, pengsan atau terlupa.

4. Kekal dalam pelayaran : Pelayaran hendaklah berkekalan sehingga sempurna takbiratulihram sembahyang kedua.

5. Kesahan sembahyang pertama: Sembahyang pertama yang dikerjakan itu hendaklah sah menurut kuat sangkaannya (*zhann*).

Secara umumnya, jika salah satu syarat jamak taqdim tidak dipenuhi, maka perkara ini boleh menjejaskan kesahan jamak taqdim. Contohnya seorang musafir tidak berniat jamak taqdim dalam sembahyang pertama yang empunya waktu, Zuhur atau Maghrib, atau tidak mengerjakan kedua-dua sembahyang secara berturut-turut, atau tidak lagi berada dalam

keadaan musafir ketika takbiratulihram sembahyang kedua. Dalam keadaan-keadaan ini, sembahyang kedua iaitu Asar atau Isya' tidak sah untuk dikerjakan secara jamak taqdim dan wajib menangguhkannya dan mengerjakannya apabila telah masuk waktunya yang asal yang ditetapkan. Sungguhpun demikian, sembahyang pertama yang empunya waktu iaitu Zuhur atau Maghrib hukumnya tetap sah sebagai sembahyang fardhu.

Berhubung dengan musafir yang mengerjakan sembahyang Asar terlebih dahulu sebelum sembahyang Zuhur, atau mengerjakan sembahyang Isya' terlebih dahulu sebelum sembahyang Maghrib, cara sedemikian menyalahi tertib. Jika perkara ini dilakukan sekalipun tanpa sengaja disebabkan lupa atau jahil, maka sembahyang Asar atau Isya' yang dikerjakan dengan menyalahi tertib itu hukumnya tetap tidak sah sebagai sembahyang fardhu kerana menyalahi syarat jamak taqdim. Kedudukan sembahyang Asar atau Isya' itu dikira sebagai sembahyang sunat mutlak jika tidak terdapat baginya sembahyang fardhu yang sama yang wajib diqadha'. Jika masih terdapat baginya sembahyang fardhu yang sama yang wajib diqadha', maka sembahyang Asar atau Isya' dikira sebagai sembahyang qadha' bagi sembahyang yang luput itu.

Berbeza halnya jika sembahyang Asar atau sembahyang Isya' itu dikerjakan dengan menyalahi tertib dengan sengaja serta mengetahui hukum mengenainya, maka sembahyang Asar atau Isya' yang dikerjakan itu hukumnya tidak sah sama sekali, sama ada sebagai sembahyang fardhu, sunat, mahupun qadha'.

Walau bagaimanapun dalam kedua-dua keadaan yang tersebut, kedudukan sembahyang yang empunya waktu, iaitu Zuhur atau Maghrib, tetap sah sebagai sembahyang fardhu, sama ada musafir itu mengerjakan sembahyang jamak dengan menyalahi tertib dengan sengaja, atau kerana lupa atau jahil.

Dalam hal demikian, jika musafir itu hendak meneruskan juga jamak taqdim dan waktu sembahyang pertama (waktu Zuhur atau Maghrib) masih belum berakhir, maka wajib baginya mengulang sembahyang Asar dengan segera, sebaik sahaja selesai mengerjakan sembahyang Zuhur. Ini bertujuan untuk menjaga syarat *muwalah* di antara sembahyang Zuhur dan sembahyang Asar yang diulang itu, serta menjaga tertib, di samping memastikan syarat-syarat jamak taqdim yang lain dipenuhi. Demikian juga cara yang perlu dilakukan pada sembahyang Isya' dan Maghrib yang dikerjakan dengan menyalahi tertib.

Walau bagaimanapun, jika telah berlalu tempoh yang lama di antara salam pada sembahyang Zuhur dan takbiratulihram sembahyang Asar yang hendak diulang itu, maka dalam keadaan ini jamak taqdim yang dikerjakan itu tidak sah kerana tidak memenuhi syarat *muwalah*. Oleh yang demikian, sembahyang Asar wajib dikerjakan dalam waktunya yang asal.

Khusus berkaitan dengan tertib, pada asalnya, sembahyang yang dilakukan dengan menjaga tertib serta memenuhi syarat-syarat jamak taqdim yang lain hukumnya adalah sah. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu jika sembahyang pertama yang empunya waktu iaitu Zuhur atau Maghrib dihukumkan tidak sah atau batal kerana tidak memenuhi syarat sah sembahyang atau tertinggal rukun sembahyang, maka perkara ini akan mengakibatkan sembahyang kedua iaitu Asar atau Isya' juga tidak sah sebagai sembahyang fardhu kerana sembahyang kedua telah dikerjakan dengan cara menyalahi tertib iaitu sembahyang kedua dikira telah mendahului sembahyang pertama yang tidak sah. Maka kedudukan sembahyang Asar atau Isya' itu dikira sebagai sembahyang sunat mutlak jika tidak terdapat baginya sembahyang fardhu

yang sama yang wajib diqadha'. Jika masih terdapat baginya sembahyang fardhu yang sama yang wajib diqadha', maka sembahyang Asar atau Isya' itu dikira sebagai sembahyang qadha' bagi sembahyang yang luput itu.

Sebagai contoh, seorang musafir mengerjakan sembahyang secara jamak taqdim mengikut tertib, iaitu mendahulukan sembahyang Zuhur kemudian diikuti sembahyang Asar. Setelah itu, dia menyedari bahawa sembahyang Zuhur itu dikerjakannya sebelum masuk waktunya. Namun dia hanya menyedari perkara ini setelah selesai daripada sembahyang Asar. Dalam keadaan ini, sembahyang Zuhur dihukumkan tidak sah sebagai sembahyang fardhu. Kedudukan sembahyang Asar juga tidak sah sebagai sembahyang fardhu untuk diteruskan dalam jamak taqdim kerana ia dikerjakan dengan menyalahi tertib.


Contoh yang lain lagi, seorang musafir mengerjakan sembahyang secara jamak taqdim mengikut tertib dengan mendahulukan sembahyang Zuhur kemudian diikuti sembahyang Asar. Setelah itu, dia menyedari bahawa sembahyang Zuhur yang dikerjakannya itu tidak sah disebabkan tertinggal salah satu rukun sembahyang seperti *ruku'*. Namun, dia hanya menyedari mengenai *ruku'* yang tidak dikerjakannya itu setelah berlalu tempoh yang lama, iaitu dia menyedarinya setelah selesai mengerjakan sembahyang Asar, atau dia menyedarinya semasa sedang mengerjakan sembahyang Asar akan tetapi setelah berlalu tempoh yang lama di antara salam pada sembahyang Zuhur dengan waktu dia menyedari perkara tersebut, sehingga terputus *muwalah* antara sembahyang Zuhur dan Asar. Dalam keadaan ini, sembahyang Zuhur dihukumkan batal kerana berlalunya tempoh yang lama menghalang untuk dikerjakan semula *ruku'* yang tertinggal pada sembahyang pertama itu. Kedudukan sembahyang Asar juga tidak sah sebagai sembahyang fardhu kerana ia dikerjakan dengan menyalahi tertib. Namun ia dikira sebagai sembahyang sunat mutlak jika tidak terdapat sembahyang fardhu yang sama yang wajib diqadha'. Jika masih terdapat sembahyang fardhu yang sama yang wajib diqadha', maka sembahyang Asar itu dikira sebagai sembahyang qadha' bagi sembahyang yang luput itu.

Dalam hal demikian, jika musafir itu hendak meneruskan juga sembahyang jamak taqdim, maka kedua-dua sembahyang yang tidak sah itu wajib diulang. As-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* menjelaskan perkara ini dalam kitabnya Hasyiyah l'anah ath-Thalibin, katanya :

Ertinya : Dan jika seseorang menjamak dua (sembahyang secara jamak taqdim), kemudian dia mengetahui setelah selesai (mengerjakan) kedua-duanya bahawa dia telah meninggalkan satu rukun daripada sembahyang yang pertama, (maka) wajib dia mengulang kedua-duanya kerana sembahyang pertama itu batal dengan (sebab) meninggalkan satu rukun daripadanya (sembahyang pertama), serta (rukun tersebut) tidak mungkin (untuk) dibetulkan dengan (sebab) diselangi oleh tempoh yang lama, dan sembahyang kedua pula batal kerana kehilangan (ketiadaan)

DALAM hal demikian, jika musafir itu hendak meneruskan juga sembahyang jamak taqdim, maka kedua-dua sembahyang yang tidak sah itu wajib diulang. As-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* menjelaskan perkara ini dalam kitabnya Hasyiyah l'anah ath-Thalibin, katanya :

Ertinya : Dan jika seseorang menjamak dua (sembahyang secara jamak taqdim), kemudian dia mengetahui setelah selesai (mengerjakan) kedua-duanya bahawa dia telah meninggalkan satu rukun daripada sembahyang yang pertama, (maka) wajib dia mengulang kedua-duanya kerana sembahyang pertama itu batal dengan (sebab) meninggalkan satu rukun daripadanya (sembahyang pertama), serta (rukun tersebut) tidak mungkin (untuk) dibetulkan dengan (sebab) diselangi oleh tempoh yang lama, dan sembahyang kedua pula batal kerana kehilangan (ketiadaan) tertib.



tertib.

Berhubung kewajiban mengulang kedua-dua sembahyang itu pula, musafir itu diharuskan untuk memilih sama ada mengerjakan setiap sembahyang itu dalam waktunya yang asal bukan secara jamak, atau mengulang kedua-duanya secara jamak. Dalam hal ini, diharuskan baginya untuk mengerjakan kedua-duanya sama ada secara jamak taqdim dengan syarat waktu sembahyang pertama masih ada, atau secara jamak ta'khir.

Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj menjelaskan tentang kewajiban mengulang kedua-dua sembahyang tersebut dan keharusan melakukannya secara jamak, katanya :

Ertinya : Dan dia mengulang kedua-duanya secara jamak, jika dia mahu (dia harus mengerjakannya) secara taqdim ketika waktu (sembahyang pertama) masih luas (ada), atau secara ta'khir kerana (pada hukum asalnya) dia (dikira) belum mengerjakan sembahyang (memandangkan kedua-duanya batal).

Dalam masalah seseorang yang menyedari terdapat rukun yang tertinggal setelah selesai daripada sembahyang Asar, akan tetapi tidak pasti sama ada ia berlaku dalam sembahyang Zuhur atau Asar, menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* sebagai langkah berhati-hati, dihukumkan sembahyang jamak taqdim itu tidak sah. Oleh itu, wajib baginya mengulang kedua-dua sembahyang tersebut dan dikerjakan setiap sembahyang itu dalam waktunya yang asal. Walau bagaimanapun, diharuskan baginya untuk mengerjakan kedua-dua sembahyang itu secara jamak ta'khir dengan memenuhi syarat-syaratnya.

Kesimpulannya, jamak taqdim adalah ibadah yang mensyaratkan tertib dan *muwalah* antara sembahyang pertama dan sembahyang kedua. Kedudukan sembahyang pertama iaitu Zuhur atau Maghrib adalah *matbu'* (yang diikuti), maka wajib didahulukan. Manakala kedudukan sembahyang kedua Asar atau Isya' adalah *tabi'* (pengikut), maka ia tidak boleh mendahului sembahyang pertama kerana kedudukannya sebagai pengikut. Pada dasarnya, kedua-dua sembahyang dalam jamak taqdim adalah sah apabila syarat tertib itu dijaga. Sebaliknya, jika tertib tidak dipelihara atau rosak, maka menyebabkan ibadah tersebut tidak sah dan sembahyang yang tidak sah itu wajib diulang.

SEJAHTERA LOUNGE CERMINKAN KOMITMEN JPMC TERHADAP KESEJAHTERAAN PEKERJA



PENGURUS Kanan Pelaburan di Darussalam Assets Sdn. Bhd., Dayangku Hajah Dewi Sarwani binti Pengiran Haji Sarpuddin, selaku Ahli Lembaga Pengarah Jerudong Park Medical Centre (JPMC) semasa hadir dan seterusnya menyempurnakan perasmian Sejahtera Lounge (atas dan kanan).

JERUDONG, Isnin, 6 Julai. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) secara rasmi melancarkan Sejahtera Lounge iaitu sebuah ruang khusus bagi kesejahteraan kakitangannya sempena pembukaan Minggu Kesejahteraan Pekerja (Employee Wellbeing Week) yang diadakan buat kali keempat.

Ruang tersebut menyediakan tempat untuk para pekerja berehat, memulihkan tenaga dan menjaga kesejahteraan diri sepanjang waktu bekerja.

Dilengkapi dengan kerusiurut dan ruang santai yang selesa, kemudahan berkenaan mencerminkan komitmen berterusan JPMC dalam mewujudkan persekitaran kerja yang menyokong kesejahteraan pekerja sebagai elemen penting dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang selamat, berteraskan ihsan dan berkualiti tinggi.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Pengurus Kanan Pelaburan di Darussalam Assets Sdn. Bhd., Dayangku Hajah

Dewi Sarwani binti Pengiran Haji Sarpuddin, selaku Ahli Lembaga Pengarah JPMC.

Majlis berlangsung di Bangunan Pantai Jerudong Specialist Centre.

Antara pengisian majlis ialah ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Sumber Manusia JPMC, Salehin Basir; pembentangan Tinjauan Kesejahteraan Pekerja 2026 oleh Pengerusi Kesejahteraan Pekerja, J. Tracy Ramantan McGlynn; serta ucap terna yang bertajuk 'Living Our Purpose: Bringing Our Core Values to Life' yang disampaikan oleh Awang Muzhafar bin Haji Marsidi.

Menurut Ketua Pegawai Sumber Manusia JPMC, kesejahteraan warga kerja bukanlah satu inisiatif yang hanya berlangsung selama seminggu atau tanggungjawab satu jabatan semata-mata.

Beliau menambah, tujuan tidak ditentukan oleh jawatan yang disandang tetapi melalui cara kita berkhidmat kepada orang lain, menyokong rakan sekerja dan menyumbang kepada matlamat yang lebih besar daripada

kepentingan diri sendiri.

"Apabila warga kerja kita berkembang maju, pesakit akan menerima penjagaan yang lebih baik serta membolehkan kita bersama-sama merealisasikan tujuan JPMC untuk menyampaikan kecemerlangan berteraskan ihsan," ujarnya.

Minggu Kesejahteraan Pekerja anjuran People Management Services JPMC itu berlangsung dari 6 hingga 9 Julai 2026 dengan menentang tema 'Living Our Purpose'.

Program kali ini menggalakkan para pekerja untuk menghayati tujuan di sebalik tugas mereka serta impak positif yang diberikan kepada pesakit, rakan sekerja dan masyarakat secara keseluruhannya.

Sepanjang minggu berkenaan, para pekerja akan menyertai pelbagai program termasuk ceramah pakar, bengkel interaktif dan aktiviti kesejahteraan yang membincangkan topik seperti penjagaan kesihatan berteraskan tujuan, kesejahteraan emosi, keselamatan di tempat kerja, nutrisi, kesihatan wanita, literasi kewangan serta teknologi baharu.

Program tersebut turut menampilkan inisiatif interaktif seperti The Purpose Quest iaitu cabaran berkumpulan yang direka bagi menggalakkan kerjasama, kemahiran menyelesaikan masalah serta mengukuhkan hubungan sesama pekerja.

Sementara itu, dalam pembentangan keputusan Tinjauan Kepuasan Pekerja JPMC, hasil kajian menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dari segi kesejahteraan dan penglibatan pekerja.

Kesejahteraan fizikal mencatatkan peningkatan tahunan paling ketara, di samping peningkatan positif dalam kesejahteraan mental,

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



kesejahteraan kewangan, kerja berpasukan serta hala tuju organisasi.

Kesedaran tentang tujuan dalam kalangan pekerja kekal sebagai pencapaian terbaik organisasi, dengan 88.4 peratus responden percaya bahawa pekerjaan mereka mempunyai makna.

Selain itu, lebih ramai pekerja menyatakan komitmen mereka terhadap JPMC, manakala semakin kurang pekerja yang menunjukkan hasrat untuk meninggalkan organisasi.

Tinjauan tersebut turut menggariskan peluang bagi penambahbaikan termasuk dari segi ganjaran dan penghargaan; kecukupan tenaga kerja, kepimpinan, fleksibiliti di tempat kerja serta ketelusan dasar.

Sehubungan itu, People Management Services akan memberi keutamaan kepada bidang-bidang tersebut bagi terus memperkukuh pengalaman keseluruhan pekerja.

Sebagai fasa terakhir dalam rangka kerja Sejahtera

'Well@Work' yang diperkenalkan pada tahun 2023, Minggu Kesejahteraan Pekerja 2026 menandakan satu pencapaian penting dalam usaha JPMC memperkasa kesejahteraan pekerja.

Pada masa hadapan, organisasi tersebut akan beralih kepada pendekatan sepanjang tahun dengan menghidupkan setiap teras 'Well@Work' menerusi pelbagai inisiatif berterusan yang menggalakkan penglibatan berterusan, kesejahteraan serta pembentukan budaya organisasi yang kukuh.

Melalui pelaksanaan inisiatif seperti Minggu Kesejahteraan Pekerja, JPMC terus memperkukuh budaya tempat kerja yang menghargai, menyokong dan memperkasa warga kerjanya, dengan mengiktiraf bahawa tenaga kerja yang sihat dan komited merupakan asas penting dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan yang selamat, penuh ihsan dan berkualiti tinggi.



SESI tersebut menampilkan dua penceramah jemputan iaitu Penolong Profesor, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar dan Penolong Profesor Kanan, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Dayang Khadizah binti Haji Abdul Mumin (kiri dan kanan).



BERAKAS, Isnin, 6 Julai. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan, dengan kerjasama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Safety, Health and Environment National Authority (SHENA) hari ini mengukuhkan Bengkel Pelakaran 'Work-Life Balance Policy for all Workplaces' di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Bengkel tersebut merupakan aktiviti kesinambungan daripada

bengkel dua hari yang telah diadakan pada bulan Januari 2026.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Psikologis Klinikal dan Ketua Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan, Dayang Nor Syahmun binti Haji Matassan.

Bengkel sehari itu diisi dengan sesi perkongsian ilmu berkaitan dengan tema 'Keseimbangan Kerja dan Hidup dalam Merealisasikan Maqasid Syariah'.

Sesi tersebut menampilkan dua

penceramah jemputan iaitu Penolong Profesor, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar yang menyampaikan pembentangan bertajuk 'Membudayakan Maqasid Syariah dalam Urus Tadbir', serta Penolong Profesor Kanan, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Dayang Khadizah binti Haji Abdul Mumin, yang membentangkan tajuk 'Work-Life Balance - Enhancing Psychosocial Health in the Workplace'.

Bengkel berkenaan diakhiri dengan ucapan penutup oleh Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Siti Rosemawati binti Haji Md. Yusoff dan sesi bergambar ramai.

Inisiatif penggubalan dasar Work-life Balance Policy for All Workplaces ini merupakan salah satu tindakan keutamaan (priority actions) di bawah Pelan Tindakan Kesihatan Mental Negara Brunei

Bengkel perkukuh penggubalan dasar keseimbangan kerja, kehidupan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan



BENGKEL Pelakaran 'Work-Life Balance Policy for all Workplaces' di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Darussalam 2022 - 2025, khususnya di bawah Strategi 1: Memperkukuh Kepimpinan dan Tadbir Urus yang berkesan untuk Kesihatan Mental.

Pelan Tindakan Kebangsaan tersebut pada masa ini sedang menjalani proses pengemaskinian

pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Kementerian Kesihatan. InsyaAllah, tindakan keutamaan ini akan diteruskan dan dibawa ke dalam dokumen Pelan Tindakan Kesihatan Mental Negara Brunei Darussalam 2026 - 2035.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0024 / 2026 / 2027

PERKHIDMATAN
PENYEDIAAN DAN PENYAJIAN
JAMUAN SEPANJANG HAFL
AL-TAKHARRUJ KE-16 (HT16)
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)

Tarikh Tutup:
Rabu, 22 Julai 2026



UNISSA / SB0020 / 2026 / 2027
UPGRADING WORKS FOR
ACADEMIC MANAGEMENT
CENTRE, UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
GADONG CAMPUS
[MOD CLASS: I / II ONLY] &
[CATEGORY: KA01, B01, E01
& M01]

Tarikh Tutup:
Rabu, 22 Julai 2026



1. UNISSA / SB0013 / 2026 / 2027
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR BUKU-BUKU
RUJUKAN (FIZIKAL & E-BOOK)
FAKULTI UNDANG-UNDANG
SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH
(FUUSHHB), UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

2. UNISSA / SB0014 / 2026 / 2027
TO SUPPLY AND DELIVER
CONSUMABLES AND
CHEMICALS FOR UNISSA
RESEARCH GRANT TITLED
"ISOLATION AND MOLECULAR
CHARACTERIZATION OF
NATIVE BACILLUS
THURINGIENSIS STRAINS AND
EVALUATING THEIR
INSECTICIDAL ACTIVITY
AGAINST SOME IMPORTANT
INSECT PESTS IN BRUNEI
DARUSSALAM"

3. UNISSA / SB0015 / 2026 / 2027
TO SUPPLY AND DELIVER
CONSUMABLES AND
CHEMICALS FOR UNISSA
RESEARCH GRANT TITLED
"DEVELOPING BIO-NANO
SILVER AS A NOVEL
ANTIMICROBIAL AGENT USING
THE EXTRACT OF SELECTED
PLANTS FROM BRUNEI
DARUSSALAM"

4. UNISSA / SB0016 / 2026 / 2027
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR BARANG GUNA
HABIS MAKMAL PENGAJARAN
KEGUNAAN KELAS
PRAKTIKAL HS1332 DAN
HS2336 DI PUSAT MAKMAL
SAINTIFIK IBNU SINA (PMSIS),
KAMPUS SINAUT, UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI
(UNISSA)

5. UNISSA / SB0017 / 2026 / 2027
MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR PERALATAN
SAINTIFIK MAKMAL
PENGAJARAN KEGUNAAN
KELAS PRAKTIKAL HS1332
DAN HS2336 DI PUSAT
MAKMAL SAINTIFIK IBNU SINA
(PMSIS), KAMPUS SINAUT,
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)

6. UNISSA / SB0018 / 2026 / 2027
MEMBEKAL, MENGHANTAR
DAN PEMASANGAN PETI
SEJUK MAKMAL PENGAJARAN
KEGUNAAN KELAS
PRAKTIKAL HS1332 DAN
HS2336 DI PUSAT MAKMAL
SAINTIFIK IBNU SINA (PMSIS),
KAMPUS SINAUT, UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI
(UNISSA)

7. UNISSA / SB0019 / 2026 / 2027



Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



PROVISION OF TREE
CUTTING WORKS AT
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA) GADONG
CAMPUS

8. UNISSA / SB0021 / 2026 / 2027
MEMBEKAL PERKHIDMATAN
BURUH BAGI MAJLIS HAFL
AL-TAKHARRUJ KE-16 (HT16)
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)

9. UNISSA / SB0022 / 2026 / 2027
TO DESIGN, FABRICATE,
SUPPLY AND INSTALL
LOGISTICS MATERIALS FOR
16TH MAHAJAN HAFL
AL-TAKHARRUJ (MHT16)
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)

10. UNISSA / SB0023 / 2026 / 2027
PERKHIDMATAN
PENGGAMBARAN DAN
FOTOGRAFI GRADUAN PADA
MAJLIS HAFL AL-TAKHARRUJ
KE-16 (HT16) UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI
(UNISSA)

Tarikh Tutup :
Rabu, 22 Julai 2026



JABATAN
MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
(Kelas I & II Sahaja)

Bilangan Tawaran:
JMM / Q&T / JKSH / 2026 / 05

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Deliver And Install New
Pressure Tank To Bangunan
Dewan Majlis,
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
Percuma

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
16 Julai 2026

Tarikh Tutup:
Selasa, 21 Julai 2026



JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

Tawaran Perkhidmatan Kantin
Bagi Sekolah Arab Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwat Ugama

No. Tawaran:
KHEU / JPI / KANTIN-B / 52 /
17

Nama Sekolah Arab
Sekolah Ugama Arab
Menengah Perempuan Raja Isteri
Pengiran Anak Hajah Saleha,
Katok
Daerah Brunei dan Muara

Tarikh Tutup:
Rabu, 7 Safar 1448H / 22 Julai
2026M



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU
/ LB / TA / 02
Pembelian Global Positioning
System (GPS) Bagi Keperluan
Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 4 Ogos 2026**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 11 Ogos 2026
2.00 Petang



KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
KEPI / BKSM / JKSH / HRD /
1 / 2026

Tajuk Sebut Harga:

Menyediakan Latihan Leading
The Narrative:
Strategic Communication And
Stakeholder Alignment

Tarikh Buka Sebut Harga:
29 Jun 2026, Isnin

Tarikh Tutup Sebut Harga:
30 Julai 2026,
Khamis
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut
Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



JABATAN KASTAM DAN
EKS AIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN

Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPDP /
BHEK / Q / 2026 - 09
Perkhidmatan Penyewaan
Mesin Fotokopi Bagi Kegunaan
Jabatan Kastam dan Eksais
Diraja,
Kementerian Kewangan,



Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
14 Julai 2026



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:KA01

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:
14 Julai 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup:
28 Julai 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00
Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 022 / 2026



Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi
Dan Pemeliharaan Bekalan Air Di
Kawasan Lumut Dan Sungai
Liang, Daerah Belait Untuk
3 Tahun.

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-002-002

Yuran Tawaran:
BND30.00(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

1. Bilangan Tawaran:
(49) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Supply and Installation of
Window Frosted Stickers & Tinted
at Youth Hub, Stadium Negara
Hassanal Bolkiah

2. Bilangan Tawaran:
(50) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
General Building Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for Berakas
Sports Complex

3. Bilangan Tawaran:
(51) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
General Building Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for Youth
Centre, BSB

4. Bilangan Tawaran:
(52) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for
Jerudong Sports Complex

5. Bilangan Tawaran:
(53) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:
Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months For:
1. Mumong Sports Complex
and Swimming Pool
2. Arena Field, Seria
3. Youth and Sports Office,
Kuala Belait
4. Youth Centre, Kuala Belait
5. Bangunan
Persatuan-Persatuan Belia, Kuala
Belait
6. Berek Lorong 3, Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
23 Julai 2026



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
001 / KHEU / BTM / 2 / ITT / 2026
Supply, Delivery, Installation And
Testing Of Portable And
Multimedia Projectors For
Teaching And Learning And
Replacement Of Faulty Ceiling
Mounted Projectors At Religious
Education Institutions Under The
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Julai 2026
2.00 Petang



Kawasan Perumahan Gadong,
Kg. Beribi, Negara Brunei
Darussalam

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
14 Julai 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Julai 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

1. Bilangan Sebut Harga:
(60) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk:
Jemputan Bagi Pakej
Persembahan Pentarama
Sempena Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-80,
Tahun 2026

2. Bilangan Sebut Harga:
(61) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk:
Jemputan Bagi Persembahan
Drama Untuk Program Pentarama
Sempena Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-80,
Tahun 2026

3. Bilangan Sebut Harga:
(62) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk:
Jemputan Bagi Persembahan
Lawak Jenaka Untuk Program
Pentarama Sempena Hari
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-80,
Tahun 2026

4. Bilangan Sebut Harga:
(63) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk:
Jemputan Pakej Perkhidmatan
Bagi Pembesar Suara (PA
System) Dan Pencahayaan
(Lighting) Untuk Program
Pentarama Sempena Hari
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-80,
Tahun 2026

Yuran:
Dikenakan Yuran Lima
Dolar Brunei
(BND5.00)

Tarikh Tutup:
Khamis,
9 Julai 2026
Jam 8.00 Pagi



Bilangan Sebut Harga:
(57) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga :
Dismantle Defected SPD,
Supply And Install New
Unit For Essential DB
C/W All Necessary
Accessories With Testing.

Yuran:
Tidak Dikenakan
Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,
9 Julai 2026
Sebelum Jam
8.00 Pagi



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
14 / DBP / SH / 2026 - 2027

Tajuk Tawaran:
Term Contract For Maintenance
Grass Cutting And Landscaping
To:
1. Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Belait
2. Dewan Bahasa dan Pustaka
Seria
3. Dewan Bahasa dan Pustaka
Kg. Pandan
4. Dewan Bahasa dan Pustaka
Tutong

For The Periods Of 24 Months,
Department Of Dewan Bahasa
dan Pustaka Brunei

Tarikh Tutup Sebut Harga:
23 Julai 2026



**JABATAN PENERANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tawaran
Replacement Of Existing
Suspended Ceiling To New PVC
Ceiling Panel At Departure Area,
Terminal Building
AME / 2026 – 2027 / SH - 30
(kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
8 Julai 2026, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
21 Julai 2026, Selasa tidak
lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
22 Julai 2026, Rabu



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI**

**08 / BBS / SH / BKA / 2026 -
2027**

Anti-Termite Works To
Government Resthouse At Jalan
Maulana, Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II, Kategori KPB05)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
21 Julai 2026 (Selasa)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
IV & V sahaja

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM012 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JPA.02

Nama Projek:
Integrasi Pengurusan
Pemeliharaan Bangunan (24
Bulan) Bagi Unit Kosong Flat
Perumahan Di Bawah Kawalan
Perumahan Di Bawah Kawalan
Jabatan Perkhidmatan Awam,



Kawasan Perumahan Gadong,
Kg. Beribi, Negara Brunei
Darussalam

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
14 Julai 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Julai 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Dilanjutkan
Sehingga:**
Selasa,
14 Julai 2026

Tarikh Tutup Dilanjutkan Pada:
Selasa,
28 Julai 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 022 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operas!
Dan Pemeliharaan Bekalan Air Di
Kawasan Lumut Dan
Sungai Liang,
Daerah Belait Untuk 3 Tahun.

No. Projek:
2026ADKB / 2106 / 002-002-002

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Tawaran:
DCA / CCS / 2026 / T2

Nama Tawaran:
To Develop And Operate
International Franchise Retail /
Food & Beverages Outlet At
Arrival Hall,
Brunei International Airport

Tarikh Tutup:
28 Julai 2026, Selasa
Jam 2.00 petang

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
AUD / BPK / UTM / Q&T /
2026-2027 / 12
To Remove Existing Projectors
(3 Units), Projector Screens
(3 Unit) And Its VGA Cables,
Splitters & Switch In Multipurpose
Hall, Block B Ground Floor
Bahirah Building, Jalan Dewan
Majlis, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
AUD / BPK / UTM / Q&T /
2026-2027 / 13
Menaiktaraf Peralatan Monitor
Bagi Bilik Mesyuarat Seri Damai
Tingkat 1 Blok C, Jabatan Audit
Bangunan Bahirah, Jalan Dewan
Majlis, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
14 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Sebut Harga:
JPH / 2106 / SH / 2574 /
2026 – 2027

Tajuk:
Construction Works
For New Parking Garage At
Brunei Forestry Center,
Forestry Department,
Sungai Liang,
Belait District

**Tarikh Akhir
Membeli Dokumen:**
16 Julai 2026
Jam 4.00 Petang

Tarikh Tutup:
23 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KAJUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2026 / SH - 09
The Provision Of Security Guard
Services At The Doppler Weather
Surveillance Radar Building
Of Brunei Darussalam
Meteorological Department

Hari / Tarikh / Waktu Tutup:
Rabu,
22 Julai 2026
Sebelum jam 9.00 pagi



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 11 / 2026
Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan
Paip Air Dan Siling Di Unit Institusi
Mukim Dan Kampung Bangunan
Jabatan Daerah Belait

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Tutup:
Selasa
14 Julai 2026



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bahagian Khidmat Bakti Negara
[BKBN]
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Sebut Harga:
11 / MEI / KKBS / BKBN /
1.40 / 26.

Tajuk Sebut Harga:



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

PEMBATALAN IKLAN

**Bilangan
Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0018 / 2026

**Tajuk
Sebut Harga:**
To Provide Technical Services On
ISO 17025-2017 Preliminary
Assessment Program For
Polymerase Chain Reaction
(PCR) Laboratory Of Aquatic
Animal Health And Laboratory
Services Centre (AAHLSC),
Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0019 / 2026

**Tajuk
Sebut Harga:**
To Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Ductless Fume Hood Parasite
Laboratory Of Aquatic Animal
Health And Laboratory Services
Centre, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0020 / 2026

**Tajuk
Sebut Harga:**
To Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Automated Nucleic Acid
Extraction System For Aquatic
Environmental Laboratory Of
Aquatic Animal Health And
Laboratory Services Centre

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0021 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Supply And Delivery Of
Laboratory Apparatus,
Chemical And Reagents
For Water Quality Laboratory

Tarikh Tutup:
Khamis,
16 Julai 2026



Pembekalan Washing Machine
Dan Dryer Machine Bagi Kem
Latihan Program Khidmat
Bakti Negara

Tarikh Tutup:
Khamis, 9 Julai 2026



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
020 / KHEU / BTM / 2 / RFQ /
2026

Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Queue Management System
(QMS) Hardware For Jabatan
Hal Ehwal Syariah (JHES) And
Jabatan Urusan Zakat, Waqaf
dan Baitulmal (JUZWAB)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
14 Julai 2026
2.00 Petang



**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
07 / JPB / SH / 2026

Keterangan:
Tawaran Membekalkan Kain &
Upah Menjahit Pakaian Seragam
Pegawai-Pegawai Beruniform
Jabatan Penjara

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
21 Julai 2026
(Tidak lewat dari
jam 2.00 petang)




KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 176 / 2026 / PHARM
(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 177 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 178 / 2026 / PHARM
(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 179 / 2026 / PHARM
(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 180 / 2026 / PHARM
(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 181 / 2026 / PHARM
(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 182 / 2026 / PHARM
(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 183 / 2026 / PHARM
(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 184 / 2026 / PHARM
(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 185 / 2026 / PHARM
(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 186 / 2026 / PHARM
(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 187 / 2026 / PHARM
(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 188 / 2026 / PHARM
(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
VAK / 03 / 2026 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of
Medicines For The Department Of
Pharmaceutical Services For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat 28 Julai 2026
jam 2.00 petang


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
18 / JULY / 2026 / KKBS /
PJK / 16.138
External Painting And
Structural Repair Works At Block
B18 Anggerek Desa Flats,
Ministry Of Culture,
Youth And Sports,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 23 Julai 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
TERMINAL / 2026-2027 / SH-05
Supply And Delivery Of Parts And
Reconfiguration Works Of Public
Announcement (PA) System At
Brunei International Airport

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Sabtu,
26 Jun 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
7 Julai 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
8 Julai 2026
(tidak lewat jam 2.00 petang)

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu
Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam


**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
II, III, IV atau V

Kategori:
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada:
Isnin
6 Julai 2026

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa
28 Julai 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa,
4 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil,
di Tingkat Bawah,
Bangunan Kementerian
Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama**

**Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam**

**JASTRE / BL / T010 / 2026
Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan
Penyelenggaraan Luaran
Bagi Perumahan
VIP Istana Edinburgh,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh
Dua (2) Tahun.**

No. Projek:
JASTRE / BL / T010 / 2026

Jumlah Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)


**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
09 / JPB / SH / 2026
To Supply, Install And
Commissioning Of The Smart
Weapon Storage (SWS) For
Jabatan Penjara

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
10 / JPB / SH / 2026
Repair And Upgrading
Works To Offices At
Jerudong Barrack Block E
And New Garbage House

Yuran Tawaran:
BND50.00

**Tarikh Tutup
Dan Waktu:**
Selasa,
4 Ogos 2026
(Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang)


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Tawaran:
MFA / ICC / 02 / 2026-27

Tajuk Tawaran:
Term Contract Repair
Works For International
Convention Centre,
Berakas,
Ministry Of Foreign Affairs,
Negara Brunei Darussalam
For A Period Of
Thirty-Six (36) Months
- FSOR

Bayaran Tawaran:
BND30.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



PENDEDAHAN SEJARAH BORNEO PERKASA PROFESIONALISME PEMANDU PELANCONG

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Julai. - Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) bersama agensi-agensi pelancongan yang terdiri daripada 40 orang pemandu pelancong yang berdaftar dan berlesen di bawah JKP baru-baru ini menghadiri ceramah bertemakan 'Selami Sejarah Borneo', anjuran Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Pusat Pengkajian Borneo, bertempat di Bangunan Pusat Pengkajian Borneo pada 27 Jun 2026.

Program Ceramah Sejarah

Borneo Kali Ke-14 merupakan salah satu komponen utama dalam projek berkenaan yang dianjurkan bagi mempromosikan penggunaan sumber-sumber sejarah Borneo sebagai bahan rujukan serta menyediakan platform untuk berkongsi ilmu pengetahuan, pengalaman dan hasil penyelidikan berkaitan sejarah Borneo.

Program tersebut juga merupakan sebahagian daripada inisiatif PSB dalam memperkukuhkan peranannya sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei,

khususnya dalam memperkenalkan Bahagian *penBORNEO* sebagai pusat rujukan dan penyelidikan yang menyediakan platform akademik untuk penyebaran serta pertukaran ilmu mengenai sejarah, budaya dan warisan Borneo.

Melalui penganjuran program tersebut, *penBORNEO* dapat menjadi wadah yang menghubungkan para penyelidik, akademik dan masyarakat umum untuk berkongsi pandangan, hasil kajian serta penemuan baharu yang berkaitan dengan sejarah, budaya dan warisan Borneo.

Melalui sesi perkongsian ilmu yang disampaikan oleh para penceramah yang berpengalaman, program berkenaan juga bertujuan untuk memupuk minat masyarakat, khususnya generasi muda, terhadap bidang penyelidikan dan penulisan sejarah.

Pendedahan kepada pelbagai aspek sejarah Borneo diharap dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan dokumentasi dan pemeliharaan warisan sejarah sebagai sumber rujukan yang bernilai.

Adalah penting bagi JKP untuk memastikan setiap pemandu pelancong berlesen melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan berkesan,



ANTARA yang menghadiri ceramah bertemakan 'Selami Sejarah Borneo', anjuran Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Pusat Pengkajian Borneo, bertempat di Bangunan Pusat Pengkajian Borneo (atas dan kiri).

khususnya dalam menyampaikan maklumat yang tepat, jelas dan mudah difahami kepada para pelawat termasuk mempunyai pemahaman asas mengenai sejarah Borneo agar maklumat yang dikongsikan adalah tepat.

Dengan adanya usaha berterusan seperti ini, warisan sejarah dan khazanah ilmu berkaitan Borneo dapat terus dipelihara, dihargai dan diwariskan kepada generasi masa kini dan

akan datang.

Penyampaian perkhidmatan yang kompeten dan profesional ini bukan sahaja dapat meningkatkan mutu perkhidmatan secara keseluruhan, malah turut menyumbang kepada pemantapan kualiti serta imej industri pelancongan negara serta menyumbang kepada perkembangan ilmu sejarah serta memperkukuhkan identiti dan jati diri bangsa.

Bersyukur berpeluang miliki rumah sendiri

■ Berita dan Foto : Nurdianah Rajami

selesa.

Ini jelas mencerminkan keprihatinan dan pemedulian baginda kepada rakyat negara ini dan secara tidak langsung membuktikan komitmen kerajaan dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda khususnya dalam menyediakan perumahan yang berdaya tahan serta mampu dimiliki sejajar dengan hasrat Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu 'Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi'.

Justeru, dengan Majlis Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah di bawah SPN bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang berlangsung di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong hari ini pastinya merupakan detik yang sangat ditunggu-tunggu oleh para penerima sejak sekian lama mengimpikan untuk memiliki rumah kediaman secara rasmi.

Luahan penuh kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta menjunjung kasih di atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam tercapainya impian memiliki rumah kediaman sendiri rata-rata mewarnai setiap ungkapan dan curahan perasaan para penerima di majlis tersebut.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual seorang penerima Rumah Teres di bawah SPN, Kampung Lugu, Mukim Sengkurong, Awang Mohammad Azri bin Mohammad Azahari yang menzahirkan rasa kesyukuran tidak terhingga kerana sudah memiliki dan mendiami rumah sendiri pada masa ini setelah menanti

DAYANG Jurainey binti Haji Jumat.

selama 18 tahun.

"Alhamdulillah, segala kemudahan rumah teres yang disediakan oleh pihak kerajaan Kebawah DYMM adalah sangat memuaskan dan mencukupi bagi dirinya yang tinggal bersama isteri dan anak-anak di samping menikmati suasana keselesaan ketika berada di rumah dan juga persekitaran rumah bersama jiran-jiran," luah beliau lagi yang sebelumnya hanya menyewa di salah sebuah rumah teres di negara ini.

Awang Mohammad Azri, 43 tahun turut melahirkan rasa menjunjung kasih di atas penganugerahan tersebut dan mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahi keberkatan dan kesihatan yang baik kepada Kebawah DYMM serta kerabat diraja.

Beliau turut mengungkapkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menguruskan segala hal ehwal penyediaan kurnia perumahan negara ini dan sekali gus mendoakan agar semua rakyat dan penduduk NBD yang menanti untuk memiliki rumah sendiri

diperudahkan segala urusan dan memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan dengan sebaik-baiknya.

Manakala Dayang Jurainey binti Haji Jumat, berusia 57 tahun yang juga merupakan penerima Rumah Teres di bawah SPN, Kampung Lugu, turut mengungkapkan perasaan begitu terharu dan sekali gus gembira kerana berdepan secara langsung dengan

baginda untuk menerima plak anak kunci rumah di majlis tersebut.

"Walaupun menanti lama sejak permohonan pada tahun 2005, tetapi saya tetap bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas rezeki untuk memiliki rumah sendiri termakbul," ujarnya lagi.

Bagi Dayang Jurainey secara peribadi, beliau menyatakan kelegaannya apabila berpeluang untuk memiliki dan tinggal di rumah sendiri bersama anak-anak serta menantu-menantunya.

"Dengan pengurniaan rumah teres ini sememangnya ia suatu keistimewaan yang sangat berharga yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah DYMM. Ia ibarat sebuah lembaran baharu bagi saya sekeluarga kerana dapat mendiami rumah sendiri setelah sekian lama menunggu," luah beliau penuh kegembiraan.

Sementara bagi penerima yang sama, Dayang Siti Rokiah binti Haji Mat Omar juga berkesempatan

DAYANG Siti Rokiah binti Haji Mat Omar.

meluahkan rasa kesyukuran dan kelegaan setelah penantian yang ditunggu-tunggu selama 18 tahun untuk memiliki sebuah rumah sendiri akhirnya menjadi kenyataan dan ia juga salah satu impian berharga yang melengkapkan kehidupan berkeluarga bersama suami dan empat orang anak beliau.

"Alhamdulillah syukur, senang rasanya mempunyai rumah sendiri dan dengan adanya rumah teres ini rasanya kami lebih berdaya," ujarnya.

Beliau yang berusia 43 tahun ini turut menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM di atas penganugerahan tersebut yang secara langsung menggambarkan baginda seorang pemimpin yang prihatin tentang kebajikan rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.



AWANG Mohammad Azri bin Mohammad Azahari.

JERUDONG, Isnin, 6 Julai. - Rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) sangat bertuah kerana kesejahteraan dan kepentingan taraf kualiti kehidupan antaranya dari segi penyediaan perumahan negara di bawah Skim Perumahan Negara (SPN) menjadi keutamaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana ia merupakan pelaksanaan yang berterusan sejak era pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien pada awal tahun 50-an.

Sebagai seorang raja dan pemimpin yang berwawasan jauh, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bukan saja berhasrat untuk menginginkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, malah baginda juga menghendaki setiap rakyat di negara ini memiliki rumah yang



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

12 MURID ADAKAN LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE REPUBLIK SINGAPURA

PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Danny bin Aimi hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belayar kepada delegasi.

BERAKAS, Isnin, 6 Julai. - Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) menyelaraskan lawatan sambil belajar delegasi Sekolah Rendah Sengkuring ke Ahmad Ibrahim Primary School, Republik Singapura.

Lawatan selama lima hari, yang bermula dari 6 hingga 10 Julai 2026 merupakan sebahagian daripada Program Sekolah Berkembar antara NBD dan Republik Singapura.

Sehubungan itu, hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belayar kepada para delegasi ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat), JSS, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Danny bin Aimi.

Delegasi NBD kali ini diwakili oleh 15 peserta, yang terdiri daripada 12 murid Tahun 4 dan



Tahun 5 serta tiga orang guru pengiring dari Sekolah Rendah Sengkuring.

Program ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan dua hala antara sekolah-sekolah dari kedua-dua negara melalui pertukaran amalan terbaik dalam bidang akademik, pedagogi serta pembangunan pelajar secara holistik.

Antara aktiviti yang telah disusun merangkumi sesi pembelajaran

bersama di bilik darjah, program kepimpinan pelajar serta pengalaman amali menerusi pelbagai pendekatan pembelajaran.

Selain itu, delegasi juga akan mengadakan lawatan pembelajaran ke tapak-tapak bersejarah dan berkonsepkan kelestarian di Singapura, di samping menyertai sesi pertukaran budaya bagi memupuk persefahaman antara kedua-dua

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

buah sekolah.

Melalui penyertaan ini, para pelajar diharap akan mendapat pendedahan terhadap sistem pendidikan antarabangsa, di samping memperkukuh semangat persahabatan serta nilai-nilai sejagat yang merentasi sempadan negara.

Di samping itu, para peserta juga

berpeluang untuk mengetengahkan identiti dan warisan kebudayaan NBD melalui persembahan serta interaksi bersama para pelajar di Singapura. Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dari JSS, Kementerian Pendidikan, pihak pentadbiran Sekolah Rendah Sengkuring serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar.



MINDA PEMBACA

Peranan belia dalam pembangunan negara

GOLONGAN belia memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Di dalam negara kita, Brunei Darussalam, belia terdiri daripada pelajar dan graduan baharu, di samping golongan profesional, pekerja sektor awam dan swasta, usahawan serta pemimpin masyarakat. Belia merupakan tonggak pembangunan negara dan memainkan peranan besar dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Selaras dengan matlamat pertama Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, golongan belia perlu membudayakan pembelajaran sepanjang hayat serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang

masing-masing. Selain menguasai bidang kepakaran sendiri, belia juga perlu menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi serta transformasi digital yang semakin mempengaruhi kehidupan serta pekerjaan. Keupayaan menggabungkan kepakaran profesional dengan penggunaan teknologi dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

Belia juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat, selaras dengan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035. Sebagai tenaga kerja dalam sektor kerajaan, swasta, kesihatan, pendidikan, keselamatan dan sebagainya, golongan belia mempunyai tanggungjawab untuk

memberikan perkhidmatan yang cekap, berkualiti dan berintegriti kepada masyarakat. Dalam era digital, penggunaan teknologi dan inovasi mampu mempercepatkan proses kerja, meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan serta memudahkan urusan rakyat. Selain itu, penglibatan dalam aktiviti sukarelawan dan kemasyarakatan dapat memupuk semangat perpaduan, keprihatinan dan tanggungjawab sosial yang turut menyumbang kepada kesejahteraan negara.

Matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035 ialah mewujudkan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara, golongan belia perlu menyokong inisiatif kerajaan melalui

bidang pekerjaan masing-masing. Belia dalam sektor kerajaan menyumbang melalui pelaksanaan dasar dan inisiatif kerajaan, manakala sektor swasta dan keusahawanan membantu memacu pertumbuhan ekonomi melalui produktiviti, inovasi serta pewujudan peluang pekerjaan.

Kesimpulannya, golongan belia merupakan aset yang berharga dalam pembangunan negara. Dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap bertanggungjawab dan kesediaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan semasa, belia mampu menyumbang kepada pencapaian ketiga-tiga matlamat Wawasan Brunei 2035 demi kemajuan dan kesejahteraan negara.

Nama : Siti Nordiana binti Haji Zaini
No. K/P : 00-316XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hijrah: Mengubah Diri, Mengubah Dunia'. Tarikh Tutup : 8 Julai 2026
2. 'Persekitaran Sihat, Selamat Pengaruhi Kehidupan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 15 Julai 2026
3. 'Pencemaran di Lautan : Cabaran dan Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 22 Julai 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Tingkatkan kesedaran terhadap kelestarian tenaga

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) sememangnya komited terhadap pembangunan mampan dan kepelbagaian tenaga, berdaya tahan dan komited terhadap tenaga lestari untuk generasi akan datang.

Negara menyasarkan tenaga yang boleh diperbaharui iaitu sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah kapasiti tenaga yang terpasang menjelang tahun 2035, serta matlamat negara untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 20 peratus menjelang tahun 2030, seperti yang digariskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ketika ini pelbagai inisiatif telah dilaksanakan terutama bagi menyokong komitmen iklim dan tenaga lestari. Antara inisiatif yang giat dilaksanakan ialah pelaksanaan Sistem Solar Fotovoltai (Solar PV) iaitu satu teknologi yang menghasilkan elektrik dengan menjana tenaga solar dari matahari.

Inisiatif

Pada 12 Februari 2026, Project Sustainable Integration of Natural and Renewable Energy atau Projek SINAR telah dirasmikan menandakan satu detik penting dalam perjalanan NBD ke arah masa depan perindustrian yang mampan.

Projek SINAR merupakan penyelarasan strategik dengan aspirasi iklim kebangsaan NBD. Dengan kapasiti sekitar 51 Megawatt Peak (MWp), ia merupakan kemudahan penjanaan tenaga solar terbesar di NBD setakat ini.

Projek ini merupakan satu langkah signifikan ke hadapan

dalam mengintegrasikan tenaga boleh diperbaharui ke dalam operasi penapisan petrokimia syarikat, selaras dengan matlamat tenaga boleh diperbaharui NBD.

Peranan projek tersebut adalah bagi mengurangkan pelepasan karbon serta memajukan amalan perindustrian yang lebih cekap tenaga dan mesra alam, di samping komitmen terhadap pembangunan industri yang bertanggungjawab selaras dengan aspirasi iklim jangka panjang NBD.

Dari segi komitmen terhadap iklim, projek ini menyokong sasaran yang ditetapkan oleh Sekretariat Perubahan Iklim NBD untuk mencapai 30 peratus kapasiti tenaga boleh diperbaharui menjelang tahun 2035.

Dari segi impak alam sekitar, Projek SINAR dijangkakan dapat mengurangkan pelepasan karbon sehingga kira-kira 137,180 tan CO₂ setahun, bersamaan dengan penanaman kira-kira 17,000 hektar pokok.

Terdapat juga Pembinaan Loji Jana Kuasa Fotovoltai Solar 30 Megawatt (MW) di Kampung Belimbing, yang akan menjadi fasiliti tenaga solar di negara ini. Majlis pecah tanah bagi pembinaan loji tersebut telah diadakan pada 11 Ogos 2025.

Projek ini merupakan satu mercu tanda penting dalam usaha negara bagi mencapai masa depan tenaga yang mampan dan karbon rendah. Projek ini terletak secara strategik di kawasan bekas tapak pelupusan terbiar sebesar 33.29 hektar yang akan dibangunkan sebagai aset tenaga bersih yang produktif.

Setelah siap dibangunkan pada akhir tahun 2026, insyaaAllah loji ini dijangka mampu menjana melebihi 64,000 megawatt-jam tenaga elektrik bersih setiap tahun, yang mana ia dapat membekalkan tenaga kepada lebih 15,500 buah rumah.

Selain itu, ia dijangka dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 41,000 tan setahun, bersamaan dengan penanaman 1.87 juta pokok serta mengurangkan penggunaan bahan api fosil dengan menggantikan lebih 219,000 MMBtu gas asli.

Sokongan dari institusi pendidikan

Pada 3 Februari 2026, Politeknik Brunei (PB) telah mengadakan Majlis Pelancaran Tenaga Surya dan Modul Teras Baharu Green and Digital Literacy for Sustainability, di Kampus Lumut, Politeknik Brunei. Ini melambangkan komitmen PB dalam meneruskan dukungan terhadap matlamat negara dalam meningkatkan kesedaran di peringkat kebangsaan mengenai tenaga suria.

Di samping pelancaran Tenaga Surya PB, majlis juga memperkenalkan modul teras baharu bertajuk 'Green and Digital Literacy for Sustainability' yang akan mula diajar pada bulan Julai 2026 iaitu Tahun Akademik 2026 / 2027.

Selain daripada menyokong dasar-dasar negara dan antarabangsa kepada kepentingan pendidikan hijau, modul teras tersebut diharap dapat menyediakan pengetahuan asas mengenai kesedaran kelestarian, tanggungjawab digital dan kewarganegaraan beretika, dan seterusnya menyumbang secara bermakna kepada pembangunan lestari di NBD.

Projek Tenaga Surya PB sangat bermakna buat PB, di mana projek ini adalah sumbangan khas daripada Syarikat Berakas Power Company Sendirian Berhad, di mana satu Sistem Panel Solar Fotovoltai yang berkapasiti 100kW telah selesai dipasang di Kampus Lumut, PB ini, dan

diserahkan secara rasmi pada 16 Oktober 2025.

Melalui projek Tenaga Surya ini, tambahan jumlah anggaran penjimatan pembayaran elektrik adalah dianggarkan sebanyak BND10,000.00 setahun, dengan mengambil kira kos tenaga elektrik semasa adalah BND0.10 per KWh.

Sementara itu, Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) merupakan sekolah pertama di NBD melaksanakan pemasangan solar utama dan mengintegrasikan sistem tenaga solar komprehensif.

Sekolah berkenaan telah memasang lebih daripada 600 panel solar yang dianggarkan dapat menghasilkan hampir 600,000KWh tenaga setiap tahun.

Inisiatif berkenaan bermatlamat untuk mengurangkan jejak karbonnya secara signifikan dan mempromosikan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam komuniti kampus JIS.

Panel-panel solar berkenaan diletakkan di atas bumbung beberapa buah bangunan utama dengan 99 panel di atas Pusat ePembelajaran (eLC), 88 panel di dewan kuliah (LEC), 88 panel di Blok D&T (Blok Q) dan 336 panel di kompleks sukan.

Dengan sokongan daripada Berakas Power Company Sdn. Bhd. dan Kumpulan Syarikat Serikandi, sokongan berkenaan menggunakan sistem PV solar efisien yang mempunyai jangka hayat 25 tahun bagi memastikan penggunaan jangka panjang bagi sekolah itu.

Buku Panduan

Buku Panduan Sistem Solar PV di Atas Bumbung dan Program Net-metering telah diterbitkan oleh Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri (JPM), sebagai rujukan atau panduan bagi orang ramai

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

yang ingin meneroka peluang dalam menghasilkan tenaga yang boleh diperbaharui sendiri.

Buku Panduan ini mengandungi maklumat umum mengenai cara memulakan perancangan untuk sistem PV solar dan pendaftaran dalam Program Net-metering.

Sememangnya pemasangan solar dapat mengurangkan bil elektrik bulanan. Penyelesaian mesra alam yang akan membantu mengurangkan jejak karbon serta mengurangkan penggunaan tenaga yang tidak boleh diperbaharui. Oleh itu buku ini dapat memberi panduan dan tatacara kepada orang ramai terutama yang berhasrat untuk memasang sistem solar ini di kediaman mereka. Orang ramai perlu mendapatkan kontraktor Solar PV yang berlesen dan berdaftar di bawah Jabatan Tenaga di JPM.

Sememangnya sebahagian orang ramai ada yang telah menggunakan peralatan elektrik yang menggunakan sistem solar seperti lampu di garaj mahupun lampu di luar rumah. Walaupun penjanaan tenaganya agak kecil namun ia sudah menampakkan adanya kesedaran orang awam tentang tenaga lestari.

Kesedaran rakyat dan penduduk mengenai kepentingan kelestarian tenaga, pendidikan hijau, perubahan iklim, sememangnya menyumbang secara bermakna kepada pembangunan lestari di NBD. Oleh itu beberapa inisiatif mengenai pemasangan Solar PV merupakan usaha bagi menjaga kelestarian tenaga untuk generasi akan datang. Inisiatif melindungi alam seperti ini mesti diteruskan agar ia terus dapat dinikmati sebaiknya oleh generasi akan datang.



Budaya membaca, pelita ilmu generasi masa hadapan

Oleh : Muhammad Ali Norhadi Abdullah Mohammad Noh,
Penempatan alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali
di Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

BUDAYA membaca merupakan amalan yang digalakkan dalam kehidupan masyarakat, khususnya diutamakan terhadap kalangan generasi muda. Budaya ini diibaratkan sebagai pelita ilmu setiap individu kerana dengan membaca, seseorang itu dapat menimba ilmu pengetahuan, berfikir luas serta membentuk keperibadian yang lebih baik. Budaya membaca juga dapat meningkatkan penguasaan bahasa dan memperoleh kosa kata baharu dan dapat meningkatkan kemahiran menulis serta bertutur bahasa dengan penuh keyakinan. Dalam era moden yang dipenuhi dengan teknologi dan maklumat, budaya membaca perlu dipupuk agar generasi masa hadapan menjadi insan yang berilmu, berfikir matang dan mampu bersaing di peringkat global. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir masyarakat muda yang lebih memilih untuk menggunakan teknologi sebagai bahan hiburan dan ini akan mengurangkan minat membaca terhadap mereka.

Budaya membaca dalam kalangan generasi muda
Budaya membaca dalam kalangan masyarakat muda

semakin mendapat perhatian kerana amalan membaca adalah penting dalam melahirkan generasi yang berilmu dan berdaya saing. Budaya membaca bukan sahaja membantu masyarakat masa depan ini untuk meningkatkan pengetahuan, malah membentuk pemikiran yang kreatif, kemahiran berkomunikasi serta sahsiah yang baik dalam diri generasi muda.

Pada masa kini, terdapat sebahagian belia dan pelajar yang menunjukkan minat membaca terutamanya melalui bahan digital seperti e-Buku, artikel dalam talian dan media pendidikan. Kemudahan internet melalui penggunaan teknologi memudahkan para generasi muda untuk mendapatkan maklumat dengan lebih pantas dan mudah. Selain itu, perpustakaan sekolah dan perpustakaan awam juga menyediakan pelbagai bahan bacaan untuk menarik minat pelajar membaca. Tambahan pula, kepelbagaian bahan bacaan juga akan menjadi sebagai bahan rujukan pelajar untuk menambah ilmu pengetahuan.

Namun begitu, budaya membaca dalam kalangan generasi muda masih menghadapi beberapa cabaran. Ramai golongan remaja yang lebih gemar

menghabiskan masa dengan media sosial, permainan video dan hiburan digital berbanding membaca bahan yang bermanfaat. Keadaan ini menyebabkan budaya membaca semakin berkurangan dan memberi kesan terhadap tahap pengetahuan serta penguasaan bahasa generasi muda. Teknologi yang moden seperti media sosial bukanlah satu halangan untuk tidak mengamalkan budaya membaca bahkan teknologi dapat menyalurkan remaja untuk melayari bahan bacaan secara dalam talian. Oleh yang demikian, ini terpulang kepada pihak remaja dalam menggunakan teknologi dengan cara yang betul dan mendatangkan manfaat terhadap diri mereka.

Jadikan budaya membaca sebagai amalan

Amalan membaca dapat meningkatkan pengetahuan seseorang dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, teknologi, ekonomi, agama dan sosial. Individu yang rajin membaca akan lebih mudah memahami bahan-bahan bacaan dan mampu membuat keputusan yang bijak. Budaya membaca juga membantu meningkatkan penguasaan bahasa, memperkayakan kosa kata dan melatih kemahiran berfikir secara kreatif dan efisien. Oleh itu, budaya membaca mampu melahirkan generasi yang cemerlang dan berwawasan serta

mampu mengatasi cabaran dunia moden ini.

Di samping itu, budaya ini juga dapat membentuk nilai-nilai murni dalam diri seseorang. Melalui bahan bacaan yang bermanfaat, pembaca dapat mempelajari nilai seperti disiplin, bertanggungjawab dan memupuk semangat membaca dalam diri. Hal ini penting dalam usaha melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia dan bersatu padu. Namun begitu, budaya membaca dalam kalangan masyarakat muda kini semakin merosot akibat pengaruh media sosial dan hiburan digital. Remaja lebih gemar melayari internet atau bermain permainan video berbanding membaca buku. Jika keadaan ini berterusan, generasi muda mungkin akan kurang ilmu pengetahuan dan sukar bersaing pada masa hadapan. Oleh itu, masyarakat hendaklah mengamalkan budaya membaca bermula dari sejak kecil lagi.

Budaya membaca dapat mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah. Remaja yang gemar membaca akan kurang terlibat dalam gejala sosial yang tidak bermanfaat dan akan lebih meluangkan masa untuk menimba ilmu dan memperbaiki diri. Bagi meningkatkan budaya membaca dalam kalangan generasi muda, ibu bapa harus memupuk minat membaca sejak kecil lagi dengan menyediakan bahan bacaan yang sesuai di rumah. Selain itu, pihak

sekolah juga berperanan dalam mendorong murid-murid untuk menarik minat membaca atau mengadakan program seperti pertandingan membaca dan kempen literasi. Pihak kerajaan dan masyarakat juga boleh memperluaskan akses kepada bahan bacaan digital serta menganjurkan aktiviti yang menarik minat belia terhadap budaya membaca agar belia lebih meluangkan masa dengan membaca melalui teknologi.

Kesimpulan

Budaya membaca merupakan pelita ilmu yang mampu menerangi kehidupan generasi masa hadapan. Amalan ini bukan sahaja membantu meningkatkan ilmu pengetahuan, malah membentuk sahsiah dan melahirkan masyarakat yang berkualiti. Budaya membaca harus dijadikan amalan harian ataupun sebagai hobi demi melahirkan generasi yang berilmu, berdaya saing dan mampu memajukan negara. Oleh itu, semua pihak termasuk ibu bapa, guru dan masyarakat perlu berganding bahu bagi memupuk minat membaca para generasi masa hadapan sejak kecil lagi. Dengan budaya membaca yang kukuh dalam kalangan generasi muda, lahirah generasi yang berilmu, kreatif, berakhlak mulia dan mampu menerangi masa depan negara dengan kejayaan serta kemajuan.

PEMINAT ASTRONOMI HAYATI KEINDAHAN MILKY WAY DI LUAGAN LALAK

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Ukur

BRUNEI MYCE 2026
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION

KUALA BELAIT, Isnin, 6 Julai. - Explore the Milky Way merupakan satu pengalaman astronomi luar biasa yang berlangsung pada Ahad, 5 Julai 2026 hingga Isnin, 6 Julai 2026 di Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak, Daerah Belait.

Acara tersebut telah disertai oleh peminat astronomi, keluarga serta orang awam yang ingin menyaksikan keindahan langit malam, dengan penyertaan seramai 19 orang termasuk pelajar sekolah menengah, pegawai

kerajaan dan wakil daripada sektor swasta.

Acara berkenaan memberikan peluang yang jarang diperoleh untuk menyaksikan keindahan ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala yang menakjubkan, terserlah melalui kegelapan putaran bumi dan keluasan galaksi.

Para peserta berpeluang menyaksikan Milky Way (Bima Sakti) dengan mata kasar, menerokai galaksi lain dan planet seperti Zuhrah (Venus) dan Zuhul (Saturn) menggunakan teleskop, serta menikmati pemandangan bulan Wanning Gibbous penghujung bulan purnama sebelum memasuki fasa suku terakhir ke-3 dan kelompok Bintang Tujuh Pleiades (Messier 45 / Seven Sisters).

Aktiviti tersebut merupakan

program ketiga daripada empat program yang dianjurkan di bawah siri astronomi Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei MYCE 2026).

Acara penutup ialah Seminar Ilmu Falak dan Astronomi yang akan berlangsung pada 7 Julai 2026 di Dewan Mawaddah, Setia Point, Daerah Brunei dan Muara, yang akan menampilkan pembentangan serta perbincangan oleh pakar tempatan dan antarabangsa mengenai peranan astronomi dalam sains dan tradisi Islam.

Maklumat lanjut, pendaftaran serta jadual penuh program boleh didapati di laman sesawang rasmi Jabatan Ukur www.survey.gov.bn.



ACARA tersebut telah disertai oleh peminat astronomi, keluarga serta orang awam yang ingin menyaksikan keindahan langit malam, dengan penyertaan seramai 19 orang termasuk pelajar sekolah menengah, pegawai kerajaan dan wakil daripada sektor swasta (atas dan atas kanan).

Cubaan seludup minuman keras dipatahkan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Isnin, 6 Julai. - Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah menjalankan operasi pemantauan dan pencegahan jenayah di kawasan Kampung Labu, Daerah Temburong.

Semasa operasi berkenaan, pihak polis telah mengesan sebuah kenderaan dalam keadaan mencurigakan dan mencuba memberhentikanannya. Kenderaan berkenaan enggan berhenti namun berjaya ditahan di Kawasan Perindustrian Salambigar. Pemandunya bagaimanapun telah melarikan diri.

Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan berkenaan menemukan beberapa kotak plastik yang dipercayai mengandungi barang-barang tegahan, iaitu sebanyak 120 botol dan 600 tin minuman keras pelbagai jenama.

Kesemua barang bukti telah dirampas dan diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk tindakan serta siasatan lanjut. PPDB akan terus memperkukuhkan usaha penguatkuasaan dalam membanteras kegiatan penyeludupan dan kesalahan berkaitan barang-barang tegahan.

Tindakan tegas akan terus diambil terhadap mana-mana individu yang didapati melanggar undang-undang negara. Orang ramai juga diseru untuk terus bekerjasama dengan menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kegiatan yang menyalahi undang-undang kepada pihak polis bagi memastikan keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara sentiasa terpelihara.



SEMASA operasi berkenaan, pihak polis mengesan sebuah kenderaan dalam keadaan mencurigakan dan mencuba memberhentikanannya. Kenderaan berkenaan enggan berhenti namun berjaya ditahan di Kawasan Perindustrian Salambigar.

Selera
KAMPUNG
Kitani



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Kacang Panjang Ikan Masin

RPN Kampung Mata-mata

BAHAN-BAHANNYA :

- 1 ikat kacang panjang (potong serong)
- Segenggam ikan masin
- 4 biji jagung muda (dihiris serong)
- 2 ulas bawang putih (hiris)
- 2 biji bawang merah (hiris)
- 1 st cili kisar
- 1 st sos tiram
- 1 biji lada merah (hiris serong)

Sedikit secukup rasa
Minyak untuk menumis

CARA-CARA MEMASAKNYA :

Ikan masin dibasuh dan goreng garing setelah itu angkat dan toskan. Kemudian tumis bawang putih dan bawang merah hingga layu dengan minyak baharu. Masukkan cili kisar, sos tiram dan sedikit gula. Masak

hingga pecah minyak dan garing. Masukkan kacang panjang, jagung muda dan lada merah dan gaul rata. Tambahkan air jika terlalu kering.

Masukkan ikan masin yang telah digoreng tadi. Gaul rata dan tambah secukup rasa. Masak sebentar saja agar kacang tidak lembik. Sesuaikan rasa dan sedia untuk dihidang.



KAPAL ANGKASA REPUBLIK RAKYAT CHINA TIBA DI ASTEROID BERHAMPIRAN BUMI

BEIJING, 6 Julai - Kapal angkasa Tianwen-2 milik Republik Rakyat China telah tiba di asteroid berhampiran Bumi, Kamo'oalewa, selepas menempuh perjalanan selama kira-kira 400 hari, menurut Pentadbiran Angkasa Lepas Kebangsaan China (CNSA) pada Isnin, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Kuar itu menghampiri objek berkenaan dalam jarak kira-kira 20 kilometer (km) dan telah memulakan pemerhatian saintifik, menurut agensi itu. Sejak dilancarkan, ia telah menempuh perjalanan sejauh kira-kira satu bilion kilometer.

Tianwen-2 mula mengesan asteroid itu pada Jun dan melaksanakan olah gerak navigasi pada 7 Jun ketika berada pada jarak kira-kira 30,000km

sebelum menghampiri asteroid berkenaan secara berperingkat.

Kamo'oalewa merupakan asteroid yang dikenali sebagai kuasi satelit Bumi, yang mengorbit Matahari hampir selari dengan orbit Bumi. Asteroid itu hanya berdiameter beberapa puluh meter.

Beberapa saintis percaya asteroid itu mungkin serpihan Bulan yang tercampak akibat satu hentaman purba.

Kuar itu dijangka memetakan asteroid berkenaan dan mengumpul sampel menggunakan beberapa teknik, termasuk olah gerak cecah dan terbang secara ringkas atau kaedah penambatan pada permukaan yang masih belum pernah diuji.

Kapsul yang membawa pulang sampel itu dijadualkan mendarat di Bumi pada akhir 2027, sekali gus menjadikan Republik Rakyat

China negara ketiga selepas Jepun dan Amerika Syarikat (AS) yang berjaya membawa pulang sampel daripada asteroid.

Selepas melengkapkan fasa penerokaan asteroid itu, kapal angkasa utama dijangka meneruskan perjalanan menuju sebuah komet di jalur asteroid sebagai sebahagian daripada misi yang dirancang berlangsung selama kira-kira sedekad. - ©BERNAMA

25 maut, gelombang haba landa AS, ribut cetus ancaman banjir di Pantai Timur

ISTANBUL, 6 Julai. - Sekurang-kurangnya 25 orang maut akibat gelombang haba yang berlarutan selama seminggu di Amerika Syarikat (AS), lapor Anadolu Ajansi memetik NBC News pada Ahad, ketika 40 juta penduduk masih tertakluk pada amaran haba di seluruh kawasan Pantai Timur, tenggara dan barat daya.

Menurut pegawai negeri dan tempatan, New Jersey melaporkan 22 kematian yang disyaki berpunca daripada haba, manakala Illinois melaporkan satu kematian dan Mississippi melaporkan dua kematian.

Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan (NWS) memberi amaran ribut petir boleh membawa

angin kencang, hujan batu dan banjir kilat setempat di beberapa kawasan Pantai Timur hingga Isnin.

Amaran banjir masih berkuat kuasa bagi 34 juta penduduk dari Delaware hingga Connecticut serta Bandar Raya New York di mana pakar kaji cuaca menjangkakan taburan hujan sehingga 3 inci (7.6 sentimeter).

Ribut kencang juga menyebabkan gangguan bekalan elektrik yang menjejaskan ratusan ribu pengguna di beberapa negeri di bahagian timur.

Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan (NWS) menyatakan amaran haba akan berterusan hingga petang Ahad di seluruh Pantai Timur, dengan nilai indeks haba, yang menggambarkan tahap

kepanasan yang dirasakan apabila kelembapan digabungkan dengan suhu udara, dijangka mencecah antara 100°F (37.7°C) dan 105°F (40.5°C) di Philadelphia, Washington DC, Baltimore, Raleigh, Charleston (South Carolina) dan Jacksonville (Florida).

Pakar kaji cuaca menjangkakan suhu di sebahagian besar kawasan Pantai Timur akan beransur menurun pada minggu ini, dengan suhu maksimum harian secara umumnya sekitar paras 70-an hingga paras awal 90-an (darjah Fahrenheit).

Bagaimanapun, keadaan cuaca panas yang berbahaya diramalkan berterusan hingga pertengahan minggu di beberapa kawasan

negara itu.

Amaran awal mengenai haba ekstrem telah dikeluarkan untuk sebahagian kawasan di California dan Arizona, termasuk Phoenix dan Tucson, bermula Selasa hingga Khamis, dengan suhu maksimum siang hari dijangka

mencecah sehingga 114°F (45.5°C). Di Bandar Raya New York, lebih 378 orang telah mendapatkan rawatan di unit kecemasan akibat penyakit berkaitan haba, menurut jabatan kesihatan bandar raya tersebut. - ©BERNAMA

Kematian akibat Ebola di DR Congo melebihi 500 orang

KINSHASA, 6 Julai. - Angka kematian akibat wabak Ebola terbaharu di Republik Demokratik Congo (DR Congo) telah melebihi 500 orang, menurut laporan yang dikeluarkan pihak berkuasa kesihatan negara itu pada Ahad, lapor Xinhua.

Menurut laporan itu, negara berkenaan merekodkan 1,561 kes disahkan, termasuk 506 kematian. Seramai 254 pesakit telah sembuh, manakala 628 lagi pesakit yang disahkan dijangkiti kini menjalani pengasingan atau menerima

rawatan di hospital.

Pihak berkuasa turut mengenal pasti 354 kes disyaki, termasuk 110 kematian. Laporan itu menyatakan wabak berkenaan setakat ini telah menjejaskan 36 zon kesihatan di tiga wilayah.

Kes mingguan yang disahkan terus meningkat. Minggu epidemiologi ke-25 dan ke-26 merekodkan jumlah kes tertinggi sejak wabak itu bermula, dengan masing-masing mencatatkan lebih 300 kes disahkan, sekali gus menunjukkan penularan berterusan dalam komuniti.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Khamis memaklumkan bahawa satu ujian klinikal telah mula mendaftarkan pesakit di DR Congo bagi menilai potensi rawatan untuk penyakit Ebola yang disebabkan oleh virus Ebola Bundibugyo, yang ketika ini masih belum mempunyai vaksin yang diluluskan atau rawatan khusus.

Menurut laporan itu, ujian klinikal berkenaan telah dimulakan di pusat rawatan Ebola CME (Pusat Perubatan Evangelikal) di zon kesihatan Rwampara di Wilayah Ituri, yang merupakan pusat penularan wabak berkenaan. - ©BERNAMA

Ribuan dipindahkan di selatan Perancis, gelombang haba cetus kebakaran hutan

PARIS, 6 Julai. - Kira-kira 5,000 orang dipindahkan dari desa-desa di selatan Perancis pada Ahad ketika anggota bomba bertungkus-lumus memadamkan kebakaran hutan yang merebak dengan pantas dalam satu lagi insiden gelombang haba, menurut pihak berkuasa seperti dilaporkan Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Pihak berkuasa wilayah Pyrénées-Orientales menyatakan pengungsian itu dilakukan di kawasan pergunungan di sebelah barat bandar Perpignan. Saluran penyiaran tempatan BFMTV melaporkan kawasan seluas 1,650 hektar musnah akibat kebakaran. Seorang penduduk dan seorang anggota bomba dilaporkan mengalami kecederaan yang mengancam nyawa.

Kebakaran menyebabkan perubahan pada peringkat ketiga perlumbaan Tour de France, yang dijadualkan melalui kawasan terjejas pada Isnin; perlumbaan itu kini akan berlangsung tanpa penonton atau konvoi pengiklanan.

"Kebakaran hutan berskala luar biasa yang sedang marak di Pyrénées-Orientales memerlukan pengerahan besar-besaran sumber pemadaman kebakaran hutan daripada perkhidmatan bomba, serta daripada pasukan keselamatan dalam dan semua agensi kerajaan," kata Gabenor Wilayah Pierre Regnault de la Mothe. Sudah tentu, keutamaan utama dan tidak boleh dipersoalkan ialah perlindungan terhadap penduduk, harta benda dan

kawasan semula jadi, serta usaha mengawal kebakaran tersebut".

Agensi kaji cuaca kebangsaan, Météo France, mengeluarkan amaran mengenai risiko tinggi kebakaran hutan pada Isnin, dengan menetapkan tahap amaran merah tertinggi bagi tujuh wilayah di bahagian tenggara negara itu.

Menurut agensi berkenaan, 41 wilayah lain turut berdepan risiko kebakaran hutan yang meningkat. Kebakaran hutan dan kawasan tumbuhan juga telah berlaku di wilayah lain di Perancis, termasuk di wilayah Gard di bahagian selatan negara itu. Di Lédénon, yang terletak di antara Avignon dan Nîmes, sebahagian daripada lebuhraya yang menghala ke Sepanyol terpaksa ditutup akibat kebakaran. - ©BERNAMA

Harga beras di Jepun dijangka terus menurun susulan stok tinggi

TOKYO, 6 Julai. - Indeks unjuran harga beras bagi tempoh tiga bulan akan datang pada Jun susut empat mata berbanding bulan sebelumnya kepada 19, kekal di bawah paras 50 untuk bulan kesembilan berturut-turut berikutan paras inventori yang tinggi serta jualan pada harga diskaun, menurut data persatuan beras yang dikeluarkan pada Isnin, lapor Kyodo News.

Indeks yang dikira oleh Pertubuhan Sokongan Bekalan Stabil Berasitu menyamai paras terendah yang pernah direkodkan pada Ogos 2014, ketika inventori meningkat susulan hasil tuaian yang sangat memberangsangkan pada tahun sebelumnya.

Berdasarkan tinjauan di seluruh negara membabitkan pengeluaran, pemborongan dan peruncit, bacaan di bawah paras 50 menunjukkan jangkaan bahawa harga beras akan terus menurun.

Indeks bekalan dan permintaan beras bagi tempoh tiga bulan akan datang pula hampir tidak berubah apabila meningkat satu mata kepada 20 berbanding bulan sebelumnya, sejajar dengan pandangan bahawa keadaan bekalan dan permintaan dijangka semakin reda.

Apabila ditanya mengenai faktor yang mempengaruhi pandangan mereka terhadap harga serta keadaan bekalan dan permintaan, 58 peratus responden menyatakan "paras inventori domestik", manakala 23 peratus lagi menyebut "keadaan pemerolehan beras".

Menurut Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun, inventori beras sektor swasta meningkat 51 peratus kepada 2.23 juta tan setakat akhir Mei berbanding tempoh sama tahun lalu, menyamai paras tertinggi yang direkodkan pada 2014.

Harga beras mula melonjak pada musim panas 2024 selepas cuaca panas melampau menjejaskan hasil tuaian musim sebelumnya, menyebabkan harga purata meningkat kepada lebih 4,000 yen (US\$25) bagi setiap lima kilogram berbanding sekitar 2,000 yen sebelum berlakunya kekurangan bekalan.

Harga beras bagaimanapun mula menurun sejak kerajaan melepaskan stok simpanannya, termasuk menerusi kontrak secara langsung dengan peruncit, tahun lepas. - ©BERNAMA

6 maut selepas hujan lebat akibatkan bangunan runtuh di Mumbai

NEW DELHI, 6 Julai. - Enam orang maut dan seorang cedera pada Ahad selepas hujan lebat menyebabkan sebuah bangunan beberapa tingkat runtuh di Mumbai, hab kewangan India, menurut laporan Anadolu Ajansi yang memetik kenyataan pegawai.

Insiden itu berlaku di kawasan Mankhurd, menurut pemimpin kanan BJP Maharashtra yang juga Menteri Negeri Girish Mahajan ketika bercakap kepada pemberita. Beliau berkata siasatan akan dijalankan mengenai cara pembinaan struktur bangunan tersebut.

Pada Ahad, hujan lebat dan angin kencang turut mengganggu operasi penerbangan buat sementara waktu di Lapangan Terbang Antarabangsa Chhatrapati Shivaji Maharaj Mumbai, menurut pihak berkuasa.

Susulan hujan lebat itu, pihak berkuasa telah mengisytiharkan cuti bagi institusi pendidikan demi keselamatan para pelajar. Hujan monsun di India biasanya bermula pada Jun dan berakhir September. - ©BERNAMA

TAUFAN BESAR MUNGKIN HAMPIRI OKINAWA MINGGU INI



TOKYO, 7 Julai. - Taufan besar yang disifatkan amat kuat sedang bergerak ke arah barat berhampiran Kepulauan Mariana di Pasifik dan mungkin menghampiri kawasan di selatan Okinawa, Jepun pada hujung

minggu ini, menurut agensi meteorologi Jepun, lapor Kyodo News. Taufan Bavi diramal bergerak ke kawasan timur Republik Filipina sebelum menghampiri Wilayah Okinawa sekitar Jumaat dan

Sabtu. Taufan itu berkemungkinan menuju ke Laut China Timur selepas itu. Pulau di selatan Jepun itu mungkin mengalami hujan lebat luar biasa dan kemungkinan air pasang tinggi, bergantung kepada

lajuan taufan berkenaan, menurut Agensi Meteorologi Jepun (JMA) pada Isnin. Laut bergelora dijangka berlaku di perairan selatan pulau utama barat daya Jepun, Kyushu dan pulau-pulau di selatannya. Setakat 3 pagi waktu tempatan Selasa, taufan kesembilan musim ini bergerak ke arah barat laut berhampiran Kepulauan Mariana pada kelajuan 30 kilometer sejam,

dengan kelajuan angin mencecah 270 kilometer sejam serta tekanan atmosfera 920 hektopascal di pusatnya, menurut agensi Jepun itu. Pusat Amaran Taufan Bersama Amerika Syarikat menyifatkan Bavi sebagai "taufan super". - ©BERNAMA

Kepanasan melampau tingkat kemasukan belia dengan masalah kesihatan mental ke hospital - Kajian Australia

SYDNEY, 7 Julai. - Kepanasan melampau meningkatkan risiko kemasukan ke hospital bagi golongan muda yang mempunyai masalah kesihatan mental, menurut satu kajian Australia, yang mengetengahkan kebimbangan kesihatan awam berkaitan perubahan iklim. "Perubahan iklim memberikan kesan kepada kesihatan mental kanak-kanak dan golongan muda dalam pelbagai cara," kata penulis bersama kajian itu, Cybele Dey, pakar psikiatri remaja dengan Rangkaian Hospital Kanak-Kanak Sydney, dipetik oleh Guardian Australia pada Selasa, lapor Xinhua. Diketuai Universiti Sydney, kajian terhadap 720,000 kemasukan hospital di negeri

New South Wales, melibatkan individu berumur sehingga 24 tahun antara 2001 dan 2022, mendapati apabila suhu mencecah 1 peratus tertinggi dalam rekod, risiko kemasukan meningkat dua kali ganda pada bulan-bulan yang lebih panas dan tiga kali ganda pada bulan-bulan yang lebih sejuk. Kajian yang diterbitkan dalam Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry itu mengunjurkan bahawa kemasukan ke hospital berkaitan haba boleh meningkat sebanyak 6 peratus kepada 7.7 peratus menjelang akhir abad ini apabila suhu global meningkat. Ia hanya merangkumi kes paling teruk yang memerlukan kemasukan ke hospital, seperti

kemurungan, skizofrenia, penyalahgunaan bahan, gangguan makan dan mencederakan diri, dan tidak termasuk lawatan kecemasan serta pesakit luar. Para penyelidik berkata peningkatan pesat dalam kemasukan ke hospital selepas lonjakan haba menunjukkan tindak balas fisiologi, mungkin dikaitkan dengan gangguan tidur, tekanan, fungsi otak yang berubah, dan peningkatan impulsif, alkohol atau penggunaan bahan lain. Penemuan ini menggariskan keperluan untuk memasukkan risiko psikologi dalam perancangan dan dasar kesihatan haba, menurut Guardian Australia. - ©BERNAMA

New Zealand aktifkan rizab diesel strategik susulan risiko bekalan

WELLINGTON, 7 Julai. - New Zealand mengaktifkan rizab diesel strategik baharu di kemudahan Marsden Point di Northland, ketika kerajaan berusaha memperkukuh keselamatan bahan api susulan risiko berterusan terhadap bekalan global, lapor Xinhua. Dua tangki simpanan yang telah dibaik pulih kini beroperasi, menyediakan kapasiti kira-kira 93 juta liter diesel. Projek itu siap dalam tempoh lebih tiga bulan selepas kelulusan peruntukan sehingga NZ\$21.6 juta (US\$12.31 juta) daripada Dana Infrastruktur Wilayah, menurut kenyataan kerajaan. "Walaupun ketegangan di Asia Barat sedikit reda, rantai bekalan global masih terdedah kepada risiko dan penting untuk New Zealand lebih bersedia menghadapi gangguan pada masa depan," kata Menteri Kewangan Nicola Willis pada majlis rasmi bagi menandakan pengoperasian semula tangki berkenaan. "Diesel penting untuk memastikan New Zealand terus bergerak," kata Willis, sambil merujuk peranannya dalam sektor pengangkutan, pertanian dan pembinaan. Peruncit bahan api Z Energy dipilih menerusi proses perolehan kompetitif untuk membekal dan mengurus rizab kira-kira 90 juta liter itu, menurut kenyataan berkenaan. Menurut kenyataan itu, meskipun syarikat berkenaan memiliki dan mengurus stok tersebut, kerajaan masih mempunyai kuasa untuk melepaskannya sekiranya berlaku gangguan bekalan. Penghantaran diesel pertama telah tiba di kemudahan itu, manakala penghantaran kedua dijangka tiba hujung bulan ini. - ©BERNAMA

Abu Gunung Etna jejas operasi penerbangan di Lapangan Terbang Catania, Sicily

ROM, 7 Julai. - Pengendali Lapangan Terbang Catania, SAC menggantung semua penerbangan pada Isnin selepas abu Gunung Etna dilaporkan terus gugur susulan peningkatan aktiviti gunung berapi itu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa). Sekatan itu dijangka berkuat kuasa sehingga 10 pagi Selasa (0800 GMT), dengan pihak lapangan terbang memaklumkan perkembangan lanjut akan diumumkan dari semasa ke semasa. Penumpang dinasihatkan menghubungi syarikat penerbangan masing-masing sebelum bergerak ke lapangan terbang. Menurut laman sesawang lapangan terbang itu, hampir semua penerbangan telah dibatalkan. Gunung berapi aktif terbesar di Eropah itu menunjukkan peningkatan aktiviti sejak hujung minggu. Institut Geofizik dan Vulkanologi Kebangsaan Itali (INGV) melaporkan pelepasan abu yang kuat dari satu daripada lohong Gunung Etna pada awal Ahad. Aktiviti itu kemudian semakin meningkat, menyebabkan kepulan abu mencecah kira-kira 1.5 kilometer di atas puncak gunung berapi berkenaan. - ©BERNAMA

8 maut, seorang hilang selepas ribut petir, angin kencang landa Hubei, China

WUHAN (China), 7 Julai. - Lapan orang maut manakala seorang lagi masih hilang selepas ribut petir dan angin kencang melanda bahagian timur wilayah Hubei, China pada malam Isnin, menurut pihak berkuasa pengurusan kecemasan wilayah itu, lapor Xinhua. Antara 7 malam hingga 11 malam Isnin, ribut petir dan angin kencang melanda Huangshi, Huanggang, Ezhou dan Xianning, dengan dua pekan kecil mencatatkan angin kencang tahap 13. Beberapa kawasan turut dilanda puting beliung, menurut ibu pejabat penyelamat tempatan pada Selasa. Setakat 5 pagi Selasa, cuaca buruk itu menyebabkan 275 orang cedera di tiga komuniti berkenaan. Seramai 408 penduduk telah dipindahkan ke kawasan selamat oleh pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat. Usaha menyelamatkan dan bantuan sedang dijalankan. - ©BERNAMA

Pemanasan, kenaikan paras lautancam Pasifik Barat Daya

GENEVA, 7 Julai. - Pertubuhan Meteorologi Dunia (WMO) memberi amaran bahawa pemanasan laut, kenaikan paras laut dan gelombang haba marin yang semakin kerap kini menjadi ancaman besar kepada mata pencarian, ekonomi, ekosistem serta komuniti pesisir pantai yang rentan di Pasifik Barat Daya, lapor Anadolu Ajansi (AA). Amaran itu dikeluarkan selepas rantau berkenaan merekodkan tahun kedua paling panas dalam sejarah pada 2025, menurut laporan terbaharu "State of the Climate in the South-West Pacific" yang diterbitkan agensi cuaca Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu. Menurut laporan berkenaan, 2025 merupakan tahun kedua paling panas di Pasifik Barat Daya sejak rekod bermula, hanya di belakang 2024. Cuaca ekstrem sepanjang tahun itu turut menyebabkan kerugian ekonomi yang besar serta kehilangan nyawa. "Bagi banyak negara dan wilayah di Pasifik Barat Daya, lautan menjadi nadi kepada mata pencarian, ekonomi dan daya tahan," kata Setiausaha Agung WMO Celeste Saulo dalam satu kenyataan. Beliau berkata rantau itu

berdepan pelbagai kesan perubahan iklim sepanjang tahun, termasuk pemanasan laut, kenaikan paras laut, gelombang haba marin, pengasidan laut, siklon tropika dan kehilangan glasier tropika yang berterusan. Laporan itu turut menyatakan gelombang haba marin menjejaskan hampir seluruh Pasifik Barat Daya pada 2025, menjadikannya kejadian paling meluas pernah direkodkan dalam tahun tanpa El Nino. Keadaan itu disifatkan membimbangkan kerana El Nino yang berpotensi kuat kini sedang berkembang, sekali gus meningkatkan risiko gelombang haba marin yang lebih meluas pada 2026. Menurut laporan itu, kandungan haba laut mencatat paras rekod di selatan Australia, selatan Laut Tasman dan beberapa kawasan tropika di Pasifik Utara. Keadaan itu menyumbang kepada kematian ikan serta gangguan terhadap sektor perikanan dan akuakultur. Laporan itu turut memberi amaran bahawa glasier tropika terakhir di Indonesia kini hanya berbaki kira-kira dua peratus daripada keluasan yang direkodkan pada 1988 dan dijangka lenyap menjelang akhir 2026 atau awal 2027. Paras laut di seluruh rantau itu pula meningkat

secara purata 3.7 milimeter setahun antara 1999 hingga 2025, sekali gus mengancam negara pulau berkedudukan rendah dan komuniti pesisir pantai. Kejadian cuaca paling banyak mengorbankan nyawa pada tahun itu ialah Siklon Senyar, iaitu siklon tropika pertama yang diketahui mencapai kekuatan siklon di Selat Melaka. Siklon itu menjejaskan lebih 10 juta orang di Indonesia dan Malaysia serta mengorbankan lebih 1,200 nyawa. Menurut laporan itu, amaran awal dan penyelarasan di peringkat tempatan membantu mengurangkan jumlah korban ketika ribut berkenaan. Bagaimanapun, laporan itu turut menekankan masih terdapat kelemahan dalam penyampaian amaran hingga ke peringkat komuniti paling berisiko, khususnya komuniti pesisir pantai dan nelayan. "Amaran awal dan tindakan awal menyelamatkan nyawa apabila amaran dikeluarkan tepat pada masanya, mesej dipercayai dan penyampaian sampai kepada golongan rentan," kata Setiausaha Eksekutif Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial PBB bagi Asia dan Pasifik, Armida Salsiah Alisjahbana. - ©BERNAMA



TINGKATKAN PENGETAHUAN, KEMAHIRAN, PROFESIONALISME PENGADIL

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Persatuan Sepak Takraw
Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Julai. - Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU) terus komited dalam memperkasa pembangunan sukan sepak takraw menerusi penganjuran Kursus Pengadil Sepak Takraw Kelas 3 dan Ulang Kaji Pengadil Sepak Takraw Tahun 2026.

Kursus selama empat hari itu diadakan pada 27 dan 28 Jun dan disambung pada 4 dan 5 Julai 2026 dengan disertai seramai 24 peserta. Sehubungan itu, para peserta kursus diraikan pada majlis penutupannya yang berlangsung di Bilik VIP, Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini.

Penyampaian sijil berkenaan disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' yang juga hadir sebagai tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Sepanjang kursus tersebut, para peserta telah mengikuti sesi bimbingan dan juga penerangan yang dikendalikan oleh tiga orang pemudah cara daripada PESTABARU.

Penganjuran kursus berkenaan bertujuan untuk melahirkan lebih ramai pengadil bertauliah di samping meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta profesionalisme pengadil sedia ada agar sentiasa selaras



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Lumapas 'B' hadir sebagai tetamu kehormat pada majlis penutup yang berlangsung di Bilik VIP, Kompleks Sukan Sungai Kebun.

dengan undang-undang dan peraturan permainan sepak takraw seperti yang telah digariskan.

la juga diharap dapat melahirkan lebih ramai pengadil yang berwibawa, berintegriti dan berkemahiran tinggi,

sekali gus menyumbang kepada peningkatan mutu pengadilan serta pembangunan sukan sepak takraw di NBD.

Belgium tundukkan AS 4 - 1, tamatkan kempen Piala Dunia tuan rumah

WASHINGTON, 7 Julai. - Belgium menamatkan rentak Piala Dunia Amerika Syarikat (AS) pada Isnin dengan kemenangan 4-1 di Seattle untuk mara ke suku akhir dan menafikan penampilan pertama pasukan tuan rumah itu dalam kelompok lapan terakhir sejak 2002, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Perlawanan Pusingan 16 itu berlangsung sehari selepas penyerang AS, Folarin Balogun dibenarkan bermain walaupun menerima kad merah pada pusingan sebelumnya, keputusan FIFA susulan gesaan Presiden Donald Trump kepada Presiden FIFA, Gianni Infantino, untuk meminta semakan semula penggantungan tersebut.

Belgium mengkritik keputusan itu dan beberapa penyokong Belgium melambatkan kad merah sebelum sepak mula. Peminat AS memberikan Balogun salah satu sambutan paling kuat semasa pengenalan namun penyerang itu tidak dapat memberikan impak yang padu.

Belgium menjaringkan gol pertama menerusi Charles De Ketelaere sebelum AS membalas pada separuh masa pertama. Balogun dikasari justeru membawa kepada gol sepakan percuma Malik Tillman, menjadikan

kedudukan 1-1.

Momentum itu hanya bertahan dua minit. De Ketelaere menanduk masuk gol keduanya dalam perlawanan itu untuk mengembalikan pendahuluan Belgium dan menyebabkan ketua jurulatih AS, Mauricio Pochettino, kelihatan kecewa di tepi padang.

Belgium melebarkan kelebihan pada minit ke-57 selepas penjaga gol AS, Matt Freese, tersilap menghantar bola di luar kawasan penalti, membolehkan Hans Vanaken menjaringkan gol ke gawang terbuka.

Romelu Lukaku menambah gol keempat Belgium dalam masa kecederaan selepas satu lagi kesilapan pertahanan, sekali gus memastikan kekalahan teruk AS.

Keputusan itu menamatkan 24 jam yang bergolak dibayangi kontroversi mengenai Balogun. FIFA menolak rayuan Belgium pada pagi Isnin dan kemudian mempertahankan keputusan tersebut, dengan mengatakan Balogun dan US Soccer telah didenda US\$40,000.

Belgium akan mara ke suku akhir, manakala AS tersingkir selepas gagal meneruskan kemenangan pusingan 32 ke atas Bosnia dan Herzegovina. - ©BERNAMA

Ronaldo sahkan Piala Dunia 2026 penampilan terakhirnya

DALLAS, 6 Julai. - Kapten Portugal Cristiano Ronaldo mengesahkan pada Ahad bahawa Piala Dunia FIFA 2026 yang sedang berlangsung akan menjadi penampilan terakhirnya dalam kejohanan itu, lapor Xinhua.

"Ini akan menjadi Piala Dunia terakhir saya, tetapi saya berharap esok bukan perlawanan terakhir saya," kata Ronaldo kepada pemberita menjelang aksi pusingan 16 terbaik menentang Sepanyol.

"Saya rasa saya tidak mengharungi Piala Dunia yang buruk. Saya sudah menjaringkan tiga gol. Kita lihat sama ada saya dapat menambah satu lagi gol esok."

Pemain berusia 41 tahun itu menjaringkan dua gol ketika menentang Uzbekistan pada saingan peringkat kumpulan dan menyempurnakan sepakan penalti ketika menentang Croatia pada pusingan 32 terbaik, yang juga gol pertamanya pada peringkat kalah mati Piala Dunia.

Beliau telah meledak 11 gol di pentas Piala Dunia, termasuk menjaringkan gol dalam enam edisi berturut-turut sejak penampilan sulungnya di Jerman pada 2006.

Ketika ditanya berulang kali mengenai persaraan, Ronaldo berkata keputusan itu terletak sepenuhnya di tangannya.

"Sama ada saya bermain atau tidak, saya akan sentiasa memainkan peranan penting bersama pasukan kebangsaan ini. Saya akan menamatkan karier apabila saya sendiri memutuskan masanya, seperti yang saya katakan beberapa tahun lalu," katanya.

"Sejujurnya, apa sahaja yang berlaku esok, saya akan meninggalkan kejohanan ini dengan hati yang tenang, bukan 100 peratus tetapi 1,000 peratus kerana saya telah memberikan segala-galanya kepada bola sepak," tambahnya.

Ronaldo telah membuat 232 penampilan bersama Portugal dan meledak 146 gol di peringkat antarabangsa.

Beliau mengetuai Portugal meraih gelaran utama pertama negara itu pada Euro 2016 sebelum menjulang trofi Liga Negara-Negara UEFA pada 2019 dan 2025.

Mengulas mengenai kejohanan itu, Ronaldo yang kelihatan sebak memuji semangat luar biasa yang ditunjukkan para penyokong.

"Piala Dunia kali ini diwarnai dengan semangat orang ramai. Bukan sahaja semangat kami untuk beraksi dalam kejohanan sebesar ini, malah semangat peminat bola sepak dari seluruh dunia," katanya. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TERUS BERDOA DAN SENTIASA YAKIN BAHAWA ALLAH MENDENGAR SETIAP PERMINTAAN